95-2945

# WAWASAN 2020 DAN MASA DEPAN BANGSA MELAYU

*Oleh:*
DATO HJ NIK HASSAN BIN HJ NIK YAHYA

*Diterbit Oleh:*
URUSETIA PENERANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Cetakan Pertama 1992

APB 716866

0 8 FEB 1995 NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

M
303.49595
NHN

*Dicetak Oleh:*
**Dian Darulnaim Sdn. Bhd, Kota Bharu, Kelantan.**

فجابة اهلي مجلس مشوارة كراجأن كلنتان

PEJABAT AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN,
NEGERI KELANTAN,
KOTA DARULNAIM,
15503 KOTA BHARU.

# KATA-KATA ALUAN

Wawasan 2020 adalah antara topik yang banyak sekali mendapat liputan media massa sejak ianya dicetuskan oleh pihak Kerajaan Pusat.

Wawasan 2020 ini pada zahirnya menuju kearah pembentukan satu masyarakat maju di Malaysia sebagaimana yang tersurat akan tetapi sejauh manakah rakyat benar-benar memahami akan falsafah serta matlamatnya yang tersirat adalah menjadi tanda tanya yang besar.

Adalah diharapkan bahawa risalah ***Wawasan 2020 Dan Masa Depan Bangsa Melayu*** yang dikarang dan disusun oleh yang Berbahagia Dato' Nik Hassan Nik Yahya ini akan memberi peluang yang amat baik untuk segenap anggota masyarakat Malaysia khususnya orang Melayu memahami persoalan pokok yang akan timbul dari Wawasan 2020 terutama sekali bagi generasi bangsa Melayu akan datang.

(DATO' HJ. WAN HASHIM BIN WAN.AHMAD)
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan,
KOTA BHARU.

# KATA-KATA PENDAHULUAN

Wawasan 2020 yang dilancarkan dengan bermulanya Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), 1991-2000 menimbul banyak persoalan yang patut mendapat perhatian umum khususnya daripada Bangsa Melayu.

Pembangunan yang akan berjalan dalam tempoh 30 tahun untuk menuju kepada matlamat wawasan 2020 itu akan menentukan corak atau bentuk negara dan masyarakat dalam tempoh tersebut.

Ini bukan suatu perkara yang kecil yang boleh dibiarkan berlalu dengan tidak memberi perhatian yang serius. Orang-orang Melayu sebagai satu bangsa yang asal hidup di negara ini tidak mempunyai tempat yang lain selain daripada negeri ini. Kata-kata yang pernah disebut oleh Al-Marhum Tunku Abdul Rahman: "Orang-orang Melayu tidak ada tempat yang lain, untuk hidup dan matinya, lain daripada negeri ini."

Untuk menjadikan Malaysia, sebagaimana adanya hari ini, merdeka, makmur dan bebas daripada ancaman komunis yang cuba merampas kuasa dengan cara kekerasan, banyak sungguh pengorbanan yang telah diberi oleh bekas-bekas pemimpin-pemimpin yang telah meninggal, anak-anak muda Melayu yang berada dalam angkatan tentera dan polis.

Bagi golongan yang semata-mata untuk mencari kesenangan hidup dan kekayaan diri, mereka melarikan diri apabila negara menghadapi ancaman keganasan komunis dalam tahun 40-an.

Tan Sri Haniff IGP semasa menghadiri Persidangan Polis Antarabangsa memberi jawapan kepada soalan yang dihadapkan kepadanya dengan kenyataan: "Sebelum merdeka lagi apabila British mengerah tenaga untuk keselamatan negara, tidak kurang daripada 50,000 orang dari golongan ini melarikan diri ke China, Taiwan dan HongKong. Pada hari ini kita terpaksa mengambil orang-orang daripada kaum lain yang tahu berbahasa Cina untuk pasukan pencegah kumpulan haram."

Dengan itu sudah sepatutnya sesuatu yang hendak dirancang bagi menentukan masa depan bangsa mesti mengambilkira kedudukan bangsa Melayu dalam politik dan pemerintahan supaya keselamatannya terjamin.

Kita terpaksa mengupas dan memberi pendapat kita dengan secara terus terang kerana kita percaya dengan itu sahaja akan dapat menjadi bahan pemikiran anak bangsa kita supaya menimbang sesuatu dengan bebas dan luas. Akhbar-akhbar dan media massa tidak banyak membuka peluang ini dan sangat sedikit rakyat dapat membaca pandangan-pandangan yang seumpama itu.

Bagi sesebuah negara yang ingin menjadi sebuah negeri maju dan demokratik, perkara yang hendak dirancang oleh kerajaan sudah tentu sepatutnya diberi peluang seluas-luasnya kepada rakyat membincangkannya.

Kita kemukakan pendapat dan pandangan kita ini bukan semata-mata pemikiran kita sahaja, kita kuatkan pendapat ini dengan pandangan daripada pakar-pakar ekonomi dan agama Islam serta isi laporan yang ada dalam buku Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2).

1.1.1992
Dato' Nik Hassan Bin Nik Yahya

# WAWASAN 2020 DAN MASA DEPAN BANGSA MELAYU

Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed membentangkan satu kertas kerja di Majlis Perdagangan Malaysia bertajuk "Malaysia Langkah Kehadapan." Kertas kerja ini mengandungi butir-butir Wawasan 2020.

Pada 17 haribulan Jun 1991, Perdana Menteri membentangkan Dasar Pembangunan Baru (DPB), yang kemudian dipinda kepada nama baru iaitu Dasar Pembangunan Kebangsaan (DPK), di Parlimen Malaysia.

Dalam buku Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), 1991-2000, dilaporkan dengan cara perinci Dasar dan matlamat yang dituju dalam Dasar Pembangunan Kebangsaan.

Dasar Wawasan 2020 tidak dibentangkan di Parlimen hanya diselit pada perenggan 1.04 dalam dasar Pembangunan Kebangsaan.

Kita perturunkan di bawah ini isi yang menjadi dasar Pembangunan Kebangsaan itu dan langkah-langkah yang akan diambil bagi mencapai dasar-dasar tersebut.

1.02 Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang meliputi tempoh 1991-2000 telah digubal berasaskan kepada dasar yang dikenali sebagai Dasar Pembangunan Baru (DPB).

DPB akan memperkukuhkan lagi pencapaian di sepanjang RRJP1 untuk mempercepatkan proses membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dalam usaha memperbaiki lagi ketidakseimbangan sosial dan ekonomi.

Ia merupakan satu rangka dasar yang lebih luas bagi mencapai matlamat sosio-ekonomi untuk tempoh sepuluh tahun akan datang dalam konteks pembangunan ekonomi yang pesat. Semasa menggubal DPB, Kerajaan telah menimbangkan pandangan dan cadangan berbagai pihak termasuk Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara mengenai dasar negara selepas 1990.

1.03. Perpaduan negara kekal menjadi matlamat terakhir pembangunan sosio-ekonomi memandangkan sebuah masyarakat bersatupadu adalah merupakan asas penting mewujudkan kestabilan sosial dan politik serta pembangunan yang berterusan. Dasar-dasar dan strategi-strategi pembangunan di bawah DPB mengambilkira perbezaan-perbezaan yang wujud di kalangan rakyat Malaysia dari segi kaum, bangsa, budaya dan agama serta wilayah supaya sebuah masyarakat yang harmoni, bertimbangrasa dan dinamik dapat diwujudkan secara progresif.

Selain daripada pertimbangan-pertimbangan yang berasaskan sosio-politik dan kebudayaan, kestabilan sosial dan politik yang berterusan serta kecekapan pengurusan ekonomi merupakan faktor-faktor yang amat penting kearah mencapai matlamat DPB.

1.04. DPB menetapkan langkah permulaan ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020, bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga dari semua segi. Negara perlulah maju sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan perhubungan masyarakat, ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik sistem pemerintahan, mutu hidup, nilai-nilai sosial dan kerohanian, keyakinan dan kebanggaan terhadap negara. Adalah menjadi wawasan kerajaan bahawa menjelang tahun 2020 Malaysia akan menjadi sebuah negara yang bersatupadu,

mempunyai masyarakat yang berkeyakinan, menghayati nilai-nilai moral dan etika yang teguh, hidup dalam sebuah masyarakat yang demokratik, liberal dan bertimbangrasa, penyayang, saksama dan adil dari segi ekonomi, prograsif dan makmur dan memiliki sebuah ekonomi yang mampu bersaing, dinamik, teguh, berdaya tahan dan adil dari segi sosial.

1.05 Di samping mengekalkan strategi asas DEB, dimensi-dimensi baru DPB adalah: (a) mengalihkan arah tumpuan strategi pembasmian kemiskinan ke arah membasmi kemiskinan dikalangan golongan termiskin di samping mengurangkan kemiskinan relatif; (b) menumpukan kepada perwujudan gunatenaga dan pembangunan pesat sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB) yang aktif sebagai strategi yang lebih berkesan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputra yang lebih bermakna dalam sektor-sektor moden; (c) meningkatkan lagi penglibatan sektor swasta dalam proses penyusunan semula masyarakat melalui perwujudan peluang-peluang yang lebih luas untuk sektor tersebut berkembang; dan (d) menumpukan kepada pembangunan sumber manusia sebagai asas penting bagi mencapai matlamat pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama.

1.06 Usaha untuk memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi di bawah DPB akan ditumpukan kepada meningkatkan keupayaan menghasilkan pendapatan dan kekayaan serta menyediakan kemahiran kepada Bumiputra untuk mengekal dan mengurus kekayaan mereka dengan berkesan. Strategi ini merupakan satu peralihan penting berbanding dengan penekanan pada masa lepas yang mengaitkan hak milik modal saham dengan kekayaan. Selaras dengan penekanan baru ini dan dengan tujuan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputra dalam sektor-sektor perdagangan dan perindustrian, perhatian yang lebih akan diberi terhadap usaha memperkukuhkan keupayaan Bumiputra dalam mengurus, mengendali dan memiliki perniagaan dengan berkesan dan bukan hanya untuk mencapai matlamat kuantitatif tertentu dalam pemilikan modal saham dan hakmilik. Oleh itu walaupun usaha

akan terus dibuat dibawah DPB untuk meningkatkan hakmilik Bumiputra, tidak ada jangka masa tertentu yang ditetapkan bagi mencapai matlamat sekurang-kurangnya 30 peratus dalam penyusunan semula saham. Walaubagaimanapun, menjelang tahun 2000 satu kajian semula akan dibuat mengenai pencapaian matlamat ini.

1.07 RRJP2 digubal untuk satu jangka masa yang lebih singkat iaitu sepuluh tahun, separuh daripada tempoh Rangka Rancangan Pertama. Tempoh yang lebih singkat ini akan mengurangkan risiko menyediakan matlamat-matlamat yang tidak mungkin dapat dicapai, dan ketidaktentuan membuat ramalan-ramalan pembangunan di mana matlamat-matlamat tersebut diasaskan.

# MASALAH YANG TIMBUL DARIPADA DASAR PEMBANGUNAN KEBANGSAAN

Di dalam Dasar Pembangunan Kebangsaan di atas ini tidak dimasukkan dasar pertanian negara. Bagaimana kita sedia maklum penduduk luar bandar yang terdiri daripada orang-orang Melayu adalah menjadi tulang belakang kepada kekuatan negara. Dengan tidak mengadakan satu dasar yang tertentu bagi memperbaiki nasib mereka bermakna nasib sejumlah besar rakyat yang terdiri daripada orang-orang Melayu telah ditinggalkan pada masa dasar ini digubal.

Bangsa Melayu akan menjadi lemah dan tidak akan dapat mempertahankan kuasa mereka di kawasan-kawasan luar bandar.

Prof: Diraja Ungku Aziz dalam menghuraikan pendapatnya tentang Dasar Pembangunan Kebangsaan dan Wawasan ini menyebut:

". . . masalah besar orang Melayu hari ini adalah sebahagian besar mereka bekerja di desa. Walaupun dalam keadaan ekonomi moden dan perusahaan perkilangan kewangan cukup baik dan maju tetapi masih banyak kelemahan yang ada pada kaum tani atau nelayan di desa-desa. Oleh itu perlu dirancang yang lebih berkesan untuk mengubah keadaan ekonomi golongan Melayu yang hidup di desa.

Salah satu program yang ada sekarang iaitu, program kampong angkat yang tidak begitu berkesan. Program kampong angkat ini boleh disamakan dengan orang yang mengambil anak angkat. Jika terdapat, umpamanya tiga suku juta anak Melayu yang boleh dijadikan anak angkat, berapa ramai orang boleh mengambil anak angkat? Jika diambil 5,000 dari jumlah 750,000 pun, masih ada 745,000 lagi yang perlukan bantuan, ini bermakna ia tidak begitu berkesan.

Dalam soal ini kerajaan mesti mempunyai dasar untuk mengatasi masalah kaum tani, mesti ada dasar yang sepadu di mana segala persoalan yang berkaitan dengan kaum tani seperti pinjaman, pemasaran, perubahan teknologi dan sebagainya mesti disepadukan.

Hari ini kakitangan kerajaan yang membuat pinjaman membeli kereta dikenakan kadar faedah sebanyak 4 peratus, sedangkan kaum tani yang membuat pinjaman dengan Bank Pertanian untuk membeli baja atau peralatan tani mereka, kadar faedahnya hingga 11 atau 12 peratus. Kenapa begini? Jepun salah sebuah negara yang mengamalkan dasar sepadu.

Katakan seseorang itu mengeluarkan hasil pertanian umpamanya padi, atau getah atau kelapa sawit. Setiap bulan dia mengeluarkan jumlah tertentu dan dijual melalui satu saluran pemasaran. Badan berkenaan akan memotong jumlah pinjaman yang dibuat oleh petani yang berkenaan. Ini bermakna kaum tani tidak perlu memikirkan untuk membayar hutang kerana sebelum menerima wang ia terlebih dahulu telah dipotong. Ini tentu sahaja kemudahan petani berbelanja apa yang diperlukan dengan wang yang ada. Di pihak peminjam juga akan merasa lebih yakin dan bunga yang dikena lebih dikecilkan.

Saya dapati di sini belum ada dasar betul-betul berkesan. Orang tidak cukup memikirkan bagaimana bukan untuk mengubah nasib nelayan tetapi bagaimana mengubah keadaan ekonomi mereka

supaya jika pendapatan purata bulanan mereka $200.00 menjadi $400.00 sebulan.

Sekarang cuba ambil contoh pelajar yang datang ke Universiti, pendapatan bapanya $400.00 sebulan. Setelah menuntut selama empat tahun di Universiti dan memperolehi ijazah, dia boleh bekerja dengan gaji $800.00 sebulan. Bulan pertama kerja, dia telah berjaya mendapat jumlah dua kali ganda dengan pendapatan bapanya. Bermakna setelah empat tahun menuntut, dia boleh mendapat $800.00 sebulan berbanding dengan bapanya yang bertahun-tahun bertungkus-lumus di ladang, tetapi cuma mendapat $400.00 sebulan.

Tidak boleh dinafikan ini memang bagus, tetapi kenapa tidak kita ambil bapanya pula dengan wujudkan satu rancangan baru atau dasar baru supaya pendapatan bulanan $400.00 yang diterimanya menjadi $500.00 sebulan. Sesuatu dasar yang hendak dibuat mesti diteliti dan disusun betul-betul.

Jika dasar pelajaran yang mewujudkan ITM dan Universiti hingga berjaya melahirkan beratus-ratus anak Melayu menikmati kemungkinan menambahkan pendapatan yang tidak dimimpikan pada tahun 50-an atau 60-an lalu, kenapa pula dalam bidang pertanian tidak boleh dilakukan. Oleh itu kita perlukan rancangan yang lebih berkesan. Bidang yang mendapat perhatian patut diberi perhatian dan konsep sepadu patut dilaksanakan. Tidak boleh ada badan yang melayan kaum tani di bawah Kementerian Pertanian, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Ini menunjukkan tidak ada penyelarasan. Persoalan-persoalan pemasaran, kredit, pengeluaran dan pendidikan pada kaum tani patut disatu dan diselaraskan di bawah satu kementerian atau agensi yang betul-betul tahu apa yang perlu mereka lakukan. Saya fikir ini sangat penting untuk difikirkan . . ."

Pendapat Prof. Diraja Ungku Aziz ini disiarkan oleh Majalah Mastika keluaran Ogos 1991 (salinan kenyataan yang penuh dilampirkan bersama dalam buku kecil ini).

Selain daripada itu Kerajaan telah mengambil risiko yang besar dengan meletakkan pergantungan kehidupan dan ekonomi masa depan negara semata-mata kepada kemajuan perindustrian dan perniagaan. Kerajaan seharusnya sedar tentang bahaya dasar menghambat kekayaan yang cepat. Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) ada menyebut pada perenggan 1.71 - 1.73 tentang risiko ini. Kita perturunkan di bawah ini:-

1.71 Prospek untuk mencapai matlamat pertumbuhan yang digariskan dalam RRJP2 adalah cerah memandangkan pencapaian yang diperolehi kebelakangan ini dalam pelaburan dan eksport serta pengurusan sumber-sumber asli yang sedia ada yang baik, bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan pada masa hadapan. Namun demikian, suasana luar negeri masih menjadi faktor penting dalam menentukan tapak kegiatan ekonomi dalam negeri memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh perdagangan dan pelaburan asing dalam ekonomi negara.

1.72 Walaupun masih wujud keadaan yang tidak menentu, dengan berakhirnya peperangan Teluk, harga minyak yang kembali rendah dan perundingan Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) yang dimulakan kembali telah menjadi prospek ekonomi dunia dalam jangkamasa sederhana bertambah baik. Usaha-usaha di masa lampau oleh negara-negara membangun. Dengan kemunculan negara-negara perindustrian baru di rantau Asia timur dan pertumbuhan pesat negara-negara ASEAN perluasan perdagangan dan pelaburan akan memberi peluang yang bertambah untuk pembangunan Malaysia.

1.73 Namun begitu, terdapat keadaan yang tidak menentu disebabkan oleh pergerakan kadar faedah dan matawang yang tidak pasti, sentimen perlindungan di kalangan negara-negara

maju dan kemunculan blok-blok perdagangan baru. Di samping itu, terdapat juga risiko yang berkaitan dengan peningkatan persaingan dalam eksport barang buatan dan pertanian yang akan dihadapi oleh Malaysia terutama dari negara-negara jiran yang mempunyai kedudukan yang lebih baik dari segi kos buruh yang rendah. Dengan demikian, Malaysia tidak boleh terlalu bergantung sebagaimana sekarang kepada eksport. Untuk membolehkan negara terus bersaing dalam bidang eksport barangan pembuatan dan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang pesat, Malaysia perlu meningkatkan produktiviti dan seterusnya mempelbagaikan ekonominya kepada pengeluaran barang yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi berasaskan kepada kegiatan hiliran dalam memproses dan mengeluarkan sumber-sumber asli dan bahan-bahan mentah untuk dieksport."

Kita sepatutnya sedar apa yang telah terjadi kepada sesebuah negara yang tidak mempunyai hasil pertanian yang cukup terutamanya bahan yang menjadi makanan utama rakyat. Di dalam peperangan dunia kedua rakyat Tanah Melayu telah menanggung kesusahan kerana beras yang diimport daripada negeri Thailand terputus dan tanaman padi dalam negeri tidak mencukupi.

Baru-baru ini kita dapat dengar apa yang berlaku kepada negara Russia salah sebuah negara yang paling besar dan maju dalam teknologi moden, apabila negaranya menghadapi krisis dalam negerinya rakyat menderita disebabkan tidak cukup makanan utama.

Dalam strategi kerajaan mengenai pertanian, bagaimana disebut dalam perenggan 5.17 (RRJP2) kerajaan bercadang untuk menumpukan usaha kepada pertanian yang berharga seperti kelapa sawit, getah, koko, sayur-sayuran, bunga-bungaan dan perhutanan, dan mengkaji semua bantuan kepada penanaman padi dengan tujuan mengurangkannya.

Ini adalah satu langkah yang sangat-sangat merbahaya kepada keperluan negara. Kita perturunkan butir-butir laporan itu bagaimana berikut:-

5.17 Negara perlu mempergiatkan pertanian dengan menumpukan kepada pengeluaran tanaman yang bernilai tinggi dan berorientasikan pasaran-pasaran yang mempunyai faedah berbanding, serta dapat mencapai daya maju dan penggunaan sumber tanah secara maksima. Tambahan pula, tanaman-tanaman berorientasikan industri dan telah terbukti dari segi kajian teknologi mempunyai potensi besar bagi mewujudkan rantaian secara menegak. Bagi maksud ini kerajaan akan mengkaji semula sokongannya terhadap tanaman-tanaman yang kurang berdaya maju seperti padi dan akan menggalakkan petani-petani menanam tanaman yang mempunyai daya tahan dan menguntungkan seperti kelapa sawit, getah, koko, sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bungaan, akuakultur dan perhutanan. Di antara usaha-usaha yang akan diambil ialah menukar tanaman padi di kawasan-kawasan yang marginal di mana sesuai kepada tanaman-tanaman yang lebih menguntungkan terutama buah-buahan atau kegiatan-kegiatan bukan pertanian yang berdaya maju. Sebagai tambahan, integrasi secara mendatar di antara tanaman-tanaman dengan ternakan yang berdaya maju dan hutan tani akan juga digalakkan.

# PEMBINAAN MASYARAKAT YANG MENGAMALKAN NILAI-NILAI ISLAM

Bagaimana kita sedia maklum semenjak beberapa tahun lalu kerajaan telah membuat satu dasar yang dipanggil Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam bagi kesemua kakitangan kerajaan dan guru-guru yang berkhidmat di Malaysia. Dengan ini kita akan mendapati pada satu hari kelak bukan sahaja pegawai-pegawai kerajaan yang akan mengamalkan nilai-nilai Islam ini. Ia akan meliputi yang bekerja dengan swasta dan pada akhirnya dapat dibina satu masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai Islam ini.

Oleh yang demikian tidaklah sepatutnya dasar ini ditinggalkan pada masa Wawasan 2020 digubal. Perpaduan negara dan ketahanan rakyat tidak akan dapat dicapai dengan tidak mengamalkan nilai-nilai Islam. Sekiranya nilai-nilai Islam ini diamalkan dan dapat kita tubuh satu masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai Islam ini, sudah tentu dalam masa 30 tahun kehadapan kita akan mempunyai rakyat yang mempunyai ketahanan jiwa yang kukuh dengan takwa kepada Allah.

# DASAR LUAR NEGERI DAN HUBUNGANNYA DENGAN DASAR PEMBANGUNAN KEBANGSAAN

Harapan kerajaan untuk menjayakan Dasar Pembangunan Kebangsaan ini sangat besar pergantungannya kepada keadaan yang berlaku di sekitar dunia. Ekonomi Malaysia boleh jatuh pada bila-bila masa sahaja sekiranya berlaku sesuatu yang tidak baik di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat atau lain-lain. Kejatuhan ini juga boleh berlaku sekiranya negara-negara maju itu mengambil langkah untuk menjatuhkannya.

Oleh yang demikian sebagai sebuah negara kecil seperti Malaysia, kita seharusnya mempunyai dasar luar negeri yang baik yang tidak menyakitkan perasaan negara-negara maju dan lain-lain negara di dunia ini. Tidak ada faedah bagi sebuah negara kecil seperti kita ini berlagak seperti negara besar yang kaya.

Kita tidak perlu melepaskan geram dan melantangkan suara untuk menentang negara-negara besar di dunia, kerana itu semua membawa akibat yang buruk kepada rakyat dan negara semata-mata.

Dasar yang baik bagi Malaysia ialah berkecuali, bagaimana yang ditetapkan oleh Tunku Abdul Rahman dan Tun Abd.Razak. Pada masa itu ada dua blok dunia iaitu blok barat dan blok komunis. Malaysia sungguhpun mempunyai dasar berkecuali,

berat kepada blok barat. Ini disebabkan blok barat lebih boleh dipercayai daripada blok komunis.

Pada masa Malaysia dicerobohi oleh Indonesia di bawah pengaruh komunis, semasa konfrantasi, Amerika Syarikat telah memainkan peranan yang besar bagi menyelamatkan Malaysia daripada pencerobohan itu. Sekiranya tidak, sudah tentu Malaysia tidak dapat mempertahankan diri kerana tidak mempunyai kekuatan pertahanannya sendiri.

Pada masa berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 kita dapat menyelesaikan dengan tidak ada campurtangan negara luar seperti negara Komunis Cina, pada masa itu yang memberi sokongan kepada gerakan bersenjata komunis yang cuba merampas kuasa dengan cara kekerasan. Ini disebabkan negara China tahu Malaysia mempunyai perjanjian pertahanan dengan negara-negara besar yang lain.

Sesuatu langkah yang silap kita lakukan dalam menentukan dasar luar kita, bukan sahaja boleh menjatuhkan nama baik, ekonomi dan keyakinan dunia luar, ia boleh menyusahkan rakyat kita yang berada di luar negeri.

Sebagai sebuah negara yang diakui berada dalam kumpulan negara-negara Islam kita sepatutnya mempunyai dasar luar yang tertentu untuk merapatkan dengan negara-negara Islam di dunia. Daripada perhatian kita pada masa yang lalu negara-negara Islam di dunia memandang tinggi kepada negara kita. Banyak perkara yang kita lakukan mendapat sambutan yang baik daripada negara-negara itu, seperti bangunan Perkim di Ibu Kota Kuala Lumpur mendapat pertolongan daripada negara Islam, begitu jua pusat bahasa Arab di Kelantan. Pada masa ini Bank Pembangunan Islam yang beribu pejabat di Jeddah dengan sumbangan yang besar daripada kerajaan Arab Saudi banyak memberi bantuan kepada negara-negara Islam yang perlu kepada bantuan. Apakah kita tidak mendapat kesempatan dalam hal ini.

Sekiranya kita melawat Arab Saudi kita dapat melihat banyak barang-barang buatan China, Taiwan dan Jepun dalam pasaran negara Islam ini. Kenapa pasaran ini tidak dapat kita tembusi dengan barang-barang kita seperti pakaian, elektronik dan barang makanan.

kesempatan ini tidak dapat kita ambil oleh kerana dasar luar kita mengenai negara-negara Islam tidak memberi atau menimbulkan hubungan yang harmoni. Ucapan-ucapan daripada pemimpin negara kita menyentuh perasaan pemimpin dan rakyat negara-negara Arab ini.

Baru-baru ini Perdana Menteri kita melawat Arab Saudi dengan tidak melakukan pengadapan dengan Rajanya yang sepatutnya dan biasa dilakukan oleh mana-mana pemimpin kerajaan di dunia, cara ini samalah menaiki rumah dengan tidak menghormati tuan rumah yang menjadi adat resam bangsa kita. Ini adalah satu-satu yang boleh merosakkan hubungan negara kita dengan negara Islam lain.

Sekiranya pada masa dahulu kita boleh buat dasar pandang ke Timur kenapa kita tidak boleh buat dasar pandang ke negara-negara Islam.

Dalam perkara dasar luar negara ini sangat sedikit kita dapat dengar perbahasan-perbahasan yang dibuat di Parlimen atau dalam akhbar-akhbar. Contohnya pada masa perang Teluk baru-baru ini kerajaan mengarahkan wakilnya di Majlis Keselamatan supaya menyokong usul bertindak dengan cara yang difikirkan layak oleh Amerika Syarikat dan dengan keputusan inilah Amerika Syarikat menyerang Iraq. Dalam T.V. dan akhbar-akhbar pro kerajaan banyak menyiarkan berita-berita dan ulasan-ulasan yang mencaci dan menentang perbuatan Amerika Syarikat itu. Dengan kerana itu ada rakyat yang menyokong dan ada pula yang menentang kerajaan, tetapi yang banyaknya ialah rakyat yang tidak tahu apa yang sebenarnya dasar kerajaan dalam perkara ini.

Satu lagi contoh apabila kerajaan kita kemukakan cadangan supaya Mekkah dan Madinah menjadi kawasan yag diletak di bawah kuasa negara-negara Islam. Cadangan ini baik kiranya rakyat diberitahu lebih dahulu, kerana apa-apa yang timbul daripada cadangan itu boleh menyentuh rakyat Malaysia yang sentiasa berkunjung ke Mekkah dan Madinah. Pada musim Haji selepas Perang teluk dan selepas cadangan ini dikemukakan, sedikit sebanyak rakyat Malaysia merasa kesannya. Ada kemungkinan pendapat-pendapat daripada orang ramai yang lebih baik boleh diterima oleh kerajaan dalam perkara ini sekiranya dikemukakan kepada rakyat untuk diperbincangkan lebih dahulu.

# KESELAMATAN MASA DEPAN BANGSA MELAYU

Peribahasa perundangan yang ditulis di dalam Perlembagaan Malaysia mengenai Bangsa Melayu disebut "orang-orang Melayu", bukan Bangsa Melayu. Perkataan Bangsa Melayu menjadi sebutan biasa sebelum Merdeka lagi. Setelah beberapa tahun selepas merdeka Al-Marhum Tunku Abdul Rahman memperkenalkan perkataan "Bumiputra" bagi panggilan Bangsa Melayu ini meliputi orang-orang Asli di Sabah dan Sarawak. Tunku tidak mengubah Perlembagaan dalam memperkenalkan perkataan baru ini.

Sebelum merdeka orang-orang Melayu menubuhkan parti-parti politik dengan menggunakan nama Bangsa Melayu seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Pertubuhan kebangsaan Melayu bersatu (PEKEMBAR) panggilan ringkas hari ini (UMNO) dari nama dalam bahasa Inggerisnya United Malays National Organisation.

Dalam Perlembagaan Malaysia bagi orang asli di Sabah dan Sarawak disebut "Bumiputra Sabah dan Sarawak".

Melayu mengikut Perlembagaan, mempunyai pentafsiran yang jelas di bawah Perkara 160 Pentafsiran berbunyi "Melayu" maknanya seorang yang beragama Islam, kebiasaan bercakap Melayu mengikut adat istiadat Melayu..."

Masalah menubuh satu bangsa di Malaysia telah lama menjadi bahan pemikiran pemimpin-pemimpin di masa yang lalu. Parti F.A.P. (People Action Parti) atau Melayunya Parti Tindakan Rakyat pimpinan Lee Kuan Yu di masa Singapura belum keluar daripada Malaysia, menjadi dasar perjuangannya untuk menubuhkan satu bangsa dan diperkenalkan perjuangannya itu dengan nama Malaysian Malaysia, dalam bahasa Melayunya Malaysia untuk rakyat Malaysia. Perjuangan dasar ini untuk menegakkan hak sama rata bagi semua rakyat Malaysia dalam segi pemerintahan, ekonomi, keadilan sosial, kebudayaan dan lain-lain.Tidak banyak bezanya dengan apa yang disebut dalam Dasar Pembangunan Kebangsaan dan Wawasan 2020 yang telah dirancang itu.

Sekiranya cita-cita perjuangan ini berjaya Perlembagaan akan dipinda mengikut dasar-dasar yang diperjuangkan itu. Dengan kesedaran bahaya yang mengancam Bangsa Melayu inilah Tunku Abdulrahman mengambil keputusan mengeluarkan Singapura daripada Malaysia. Ini adalah satu langkah yang berani dan penuh tanggungjawab.

Satu lagi cara yang timbul pada masa itu, menjadikan satu bangsa yang bersatu, dengan menamakan kesemua rakyat berbilang kaum dan agama dengan nama Melayu sebagaimana Indonesia dan Thailand. Perubahan yang seumpama ini juga tidak boleh diterima oleh Tunku, kerana kiranya kesemua rakyat memakai nama Melayu akan menjadi ancaman kepada hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan Bumiputra di Sabah dan Sarawak yang mempunyai hak-hak itu.

Sekiranya kita baca kenyataan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad di dalam *HARAKAH* sebagaimana berikut:

## "HAPUSKAN HAK ISTIMEWA MELAYU - DR. MAHATHIR"

Dr. Mahathir menegaskan bahawa kerajaan akan berusaha supaya Hak-hak Istimewa Orang Melayu seperti yang tercatat dalam Perlembagaan dihapuskan sama sekali.

Menurutnya, Hak-hak Istimewa orang Melayu yang diwujudkan adalah satu penghinaan bagi orang-orang Melayu.

"Ini menyifatkan orang-orang Melayu seperti Red Indian di dalam Amerika, di mana mereka itu mesti diberikan reserve. Dengan kerana orang-orang Melayu selalu bersandar kepada reserve ini dan kalau tidak ada mereka tidak adalah tanah.

"Inilah satu tanda bahawa kita ini lemah dan saya berharap Hak-hak ini tidak akan kekal," ujar Dr. Mahathir, Pemimpin UMNO itu juga tidak percaya bahawa peruntukan mengenai Hak-hak Istimewa Orang Melayu itu akan membantu orang-orang Melayu.

"Saya tidak percaya dengan adanya dicatitkan di dalam Perlembagaan Hak-hak Bumiputra, maka ia akan membawa kesenangan bagi orang-orang Melayu.

"Suatu masa kita akan buang sama sekali Hak-hak Istimewa Orang-orang Melayu," ujar Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir berucap demikian di Parlimen ketika membahaskan usul yang dibawa oleh seorang Ahli Parlimen PAS yang meminta supaya ditambahkan lagi peruntukan mengenai Hak-hak Istimewa Orang Melayu dalam Perlembagaan...

Dan sekiranya kita baca pula kenyataan Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba dalam *Berita Harian* 5.2.90 sebagaimana berikut:

"Orang Melayu diingatkan supaya jangan terlalu bangga dengan Hak-hak Istimewa yang diberikan kepada mereka, sebaliknya patut" malu kerana terpaksa diberi jaminan itu untuk terus hidup di tanah air sendiri".

Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba, berkata tiba masanya orang Melayu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lain walaupun tanpa menggunakan hak istimewa yang disediakan oleh kerajaan itu.
...."(ucapan penuhnya kita salin bersama ini).

Kita dapati sungguh mengelirukan apa yang disebut oleh kedua-dua pemimpin dan ketua kerajaan ini.
Kita seharusnya sedar:-

1. Perlembagaan Malaysia diluluskan dan diterima oleh orang-orang Melayu dan Raja-Raja Melayu. Orang-orang bukan Melayu juga tidak menentang bahkan MCA dan MIC, parti politik menyokong sama dalam merakamkan Hak-hak Istimewa orang Melayu yang ada dalam Perlembagaan Malaysia.

2. Orang Melayu yang menjadi Orang Asli negara ini tidak sepatutnya merasai malu dengan hak-hak istimewa itu kerana itu adalah hak kita yang patut dipertahankan. Sekiranya tidak, himpitan ekonomi dan politik dalam sebuah negara demokrasi boleh menghapuskan bangsa itu sendiri.

3. Tolak ansur yang telah dibuat iaitu dengan memberi peluang kepada orang-orang bukan Melayu menjadi rakyat dan boleh berhak mengundi dan menjadi Menteri dalam Kerajaan tidak harus timbul sebarang keraguan tentang hak-hak istimewa orang Melayu dan Tanah Rizab Melayu dalam Perlembagaan.

4. Pemimpin-pemimpin kerajaan tidak sepatutnya menjadikan Hak-hak Istimewa dan Rizab Melayu untuk mendapat sokongan bukan Melayu dalam politik dan pemerintahan. Kerajaan telahpun

mengadakan undang-undang sensitif yang menegah Hak-hak Istimewa orang Melayu dan Rizab Melayu dibangkitkan.

Sekiranya pemimpin besar kerajaan sendiri menimbulkan perkara sensitif ini maka perbahasan akan timbul yang boleh membangkitkan perkara yang telah selesai itu berani dipersoalkan kembali.

Oleh itu kita harus sedar matlamat Wawasan 2020 untuk menubuhkan satu bangsa yang bersatu dalam tempoh 30 tahun akan datang janganlah boleh menjejaskan hak-hak orang Melayu yang telah diterapkan dalam Perlembagaan itu.

Pindaan kepada Perlembagaan hanya boleh dibuat dengan dua pertiga undi di dua-dua Dewan Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara). Sekiranya pindaan itu mengenai kuasa yang berada di bawah atau menyentuh raja-raja Melayu, Parlimen tidak berkuasa, melainkan setelah Majlis Raja-raja telah bersetuju.

Jelasnya, kuasa bagi menghapuskan Hak-hak Istimewa orang Melayu ini boleh dibuat dengan kuasa yang ada pada orang Melayu sendiri. Untuk mendapat persetujuan orang-orang Melayu ini maka pemimpin-pemimpin besar kerajaan menggunakan perkataan-perkataan dan kenyataan-kenyataan bagi memberi keyakinan dan perasaan benci kepada hak-haknya sendiri semoga dengan itu orang-orang Melayu akan menolak dan menghapuskan kuasa yang ada padanya sendiri dengan melupakan nasib anak cucu mereka di masa depan.

Untuk menjadikan langkah awal dalam matlamat untuk menghapuskan identiti bangsa Melayu, kerajaan akan menghapuskan pengenalan bangsa atau kaum dalam kesemua dokumen kerajaan. Dengan ini bermakna kertas rasmi kerajaan akan tidak menyebut pengenalan kaum atau bangsa lagi.

Dalam masalah ini pemimpin parti peringkat pertengahan telah timbul percanggahan. Pemimpin parti gerakan dalam Barisan Nasional mahu kesemua dokumen kerajaan dihapuskan pengenalan kaum manakala pemimpin UMNO juga dalam Barisan Nasional tidak bersetuju dengan langkah ini. Walau bagaimanapun proses ini berjalan dengan sedikit sangat pemimpin peringkat pertengahan dan bawahan faham maksud yang sebenarnya.

# MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN BUMIPUTRA

Tidak adanya masyarakat perdagangan dan perusahaan Bumiputra dalam negaranya sendiri adalah salah satu daripada penyakit yang ditinggalkan oleh British yang menjajah Tanah Melayu. Oleh itu untuk menubuhkan satu masyarakat yang baru ini, kerajaan perlu mempunyai sifat-sifat yang sabar dan berkeyakinan kepada kejayaannya. Adalah sama dengan seorang ibu yang hendak melahirkan seorang anak, ia perlu sabar dan penuh bertanggungjawab dalam melahir dan membesar anak itu.

Dalam masa anak itu membesar tidak mustahil sesuatu yang akan berlaku yang bertentangan dengan kehendak ibunya dan ini berkehendak kepada usaha yang bersungguh-sungguh untuk memperbaiki sehingga berjaya.

Walau bagaimanapun orang Melayu telah berjaya membina asas bagi sebuah masyarakat perdagangan dan perusahaan menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) cuma yang perlu untuk meningatkan pencapaiannya bagaimana yang dikehendaki dalam tempoh 20 tahun yang lalu tidak menepati dengan matlamat 30 peratus, bagaimana yang dirancang.

Orang Melayu perseorangan berjaya hanya 8.2 peratus daripada 20.3 peratus yang diperolehi oleh badan-badan kerajaan dan Bumiputra individu. Dengan asas yang sedikit ini kita yakin cita-

cita untuk menubuhkan sebuah masyarakat perdagangan dan perusahaan Bumiputra dapat dijayakan dengan usaha yang bersungguh-sungguh oleh kerajaan.

Cadangan untuk menyerahkan tugas membina masyarakat ini kepada MARA dan Permodalan Nasional Berhad akan menemui kegagalan sebagaimana yang telah lalu dan pada tahun 2000 kelak orang-orang Melayu akan sekali lagi disalahkan.

Satu rancangan yang sepadu hendaklah dibuat dalam usaha yang rumit ini. Oleh kerana dalam perlembagaan, Yang Di Pertuan Agong bertanggungjawab dalam membantu orang-orang Melayu, langkah paling baik dan berkesan ialah menggunakan hak dan kuasa yang ada dalam Perlembagaan itu.

Yang Di Pertuan Agong boleh mengeluarkan arahan diraja bagi menubuhkan sebuah badan bebas mengandungi wakil-wakil daripada Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang ada kaitan dengan perniagaan dan perusahaan. Badan ini yang boleh dipanggil dengan nama Suruhanjaya DiRaja bagi pembinaan Masyarakat Perdagangan dan Perusahaan Bumiputra akan mengatur dasar-dasar dan strategi-strategi bagi menjayakan usahanya. Segala modal dan tenaga hendaklah dikerah dan peraturan atau undang-undang boleh dibuat bagi maksud ini.

Semenjak diadakan kongres bumiputra yang pertama pada tahun 1969 sehinggalah diadakan pula kongres yang sama bagi kali yang kedua dan ketiga telah banyak Bumiputra muncul menjadi usahawan-usahawan kecil, pertengahan dan besar. Bagi Bumiputra yang mendapat kepercayaan penuh daripada pihak-pihak yang berkuasa dalam kerajaan mereka ini telah menjadi usahawan Bumiputra yang paling berjaya.

Dengan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh kerajaan mereka ini dapat menjadi pengusaha bank-bank perdagangan pengilang-pengilang, pengimport dan pengeksport dan lain-lain

lagi. Mereka ini mempunyai modal dan kepakaran yang cukup dalam menguruskan perniagaan dan perusahaan mereka.

Oleh yang demikian untuk meningkatkan lagi Bumiputra-bumiputra yang lain yang berharapkan kepada bantuan kerajaan, usaha boleh dibuat bagi mengarahkan kesemua pengusaha-pengusaha Bumiputra yang berjaya ini mengambil bahagian dalam membantu membina Masyarakat Perdagangan dan Perusahaan Bumiputra ini.

Suruhanjaya DiRaja yang kita sebut di atas ini boleh mengarahkan supaya satu badan ditubuhkan oleh Bumiputra-bumiputra yang berjaya ini bagi membimbing usahawan yang kecil itu. Sekiranya sebuah syarikat Bumiputra yang berjaya ini membimbing 10 buah syarikat bumiputra yang kecil-kecil dengan memberi bantuan modal dan kepakaran dengan cara usahasama, dan kerajaan pula memberi segala kemudahan seperti lesen-lesen, kuota-kuota, tanah-tanah dan apa-apa pengecualian cukai yang diperlukan kita yakin dalam masa lima tahun mereka akan dapat meletakkan 10 syarikat Bumiputra yang kecil ini di tempat yang boleh menguruskan perniagaan dan perusahaan mereka sendiri dengan jayanya.

Kalau rancangan yang seumpama ini dapat dibuat dan kiranya 10 buah syarikat besar Bumiputra mengambil bahagian membimbing syarikat bumiputra yang kecil-kecil itu, kita akan dapat melahirkan usahawan Bumiputra yang berjaya berdiri sendiri dalam masa lima tahun sebanyak 100 orang dan mereka ini boleh dirancang untuk membantu rakan-rakan mereka yang lain sebagai membalas budi di atas kejayaan mereka itu. Kalau ini dapat diteruskan kita akan dapat membentuk masyarakat Perdagangan dan Perusahaan Bumiputra dengan tenaga dan kebolehan Bumiputra sendiri. Rancangan seumpana ini dapat melahirkan beribu usahawan Bumiputra di seluruh negara dalam masa Wawasan 2020 mencapai matlamatnya.

Perdagangan dan Perusahaan adalah satu aktiviti mencari wang dan kekayaan. keikhlasan membantu cuma boleh didapati daripada perasaan yang datang daripada keturunan yang sama dan dengan disertakan dengan sokongan kerajaan keikhlasan seumpama ini sahaja yang boleh menjayakan cita-cita seumpama ini.

## PELAJARAN

Bagaimana yang telah diakui oleh kerajaan, pelajaran adalah sesuatu yang sangat-sangat mustahak dalam semua bidang bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. Pelajaran menjadi salah satu daripada alat yang penting bagi perpaduan bangsa, pembangunan ekonomi, pengimbangan kaum-kaum dalam pembahagian kekayaan negara dan lain-lain lagi.

Bagi orang Melayu pelajaran tinggi dijamin oleh Perlembagaan supaya diadakan kuota bagi membolehkan orang-orang Melayu mendapat pelajaran tinggi setaraf dengan lain-lain kaum.

Untuk mencapai cita-cita memberi pelajaran tinggi kepada anak-anak Melayu, tidak boleh dibuat dengan semata-mata berharap kepada keupayaan orang-orang Melayu sendiri sahaja.

Orang Melayu telah menjadi golongan miskin di dalam negaranya sendiri. Daripada tarikh selepas merdeka lagi, menjadi tanggungjawab kerajaan memberi pelajaran yang cukup kepada orang Melayu. Bilangan orang-orang Melayu yang terpelajar dan profesional telah bertambah dengan banyaknya semenjak Dasar Pelajaran Razak diperkenalkan dalam tahun 1958. Apa yang dikehendaki hari ini ialah kerajaan mengeluarkan belanja yang cukup bagi menghantar anak-anak Melayu ke Universiti-universiti dalam dan luar negeri, terutamanya di Negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat dan England.

Biasiswa-biasiswa kerajaan hendaklah ditambah, bukan dikurangkan. Penuntut-penuntut yang berkebolehan hendaklah diberi peluang yang seluas-luasnya.

Jabatan Perkhidmatan Awam bahagian latihan hendaklah disusun semula dengan mengadakan pegawai-pegawai yang cekap dan dedikasi. Penyelarasan yang kemas hendaklah dibuat di antara jabatan ini, dengan bahagian-bahagiannya di pejabat-pejabat luar negeri supaya tidak timbul kesusahan kepada penuntut-penuntut di luar negeri.

Alasan dan hujah-hujah yang boleh menyekat usaha ini terutama yang terkandung dalam strategi Pembangunan Sumber Manusia dalam perenggan 1.88 (RRJP2) patut dihapuskan.

Perenggan itu berbunyi:

> "1.88 Dengan peningkatan pendapatan, permintaan terhadap pendidikan tinggi akan terus meningkat dalam dekad sembilan puluhan. Sebahagian besar permintaan ini perlu dipenuhi dalam negeri oleh kerana Malaysia tidak boleh bergantung sebagaimana dahulu kepada universiti dan pusat pengajian luar negeri untuk mengatasi masalah menyediakan tempat-tempat belajar bagi pelajar-pelajar Malaysia. Ini adalah disebabkan terutamanya beberapa negeri luar telah mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat untuk kemasukan pelajar-pelajar luar negeri bagi beberapa jenis kursus seperti perubatan dan perakaunan. Tambahan pula pergantungan kepada pendidikan luar negeri tidak boleh dibiarkan berterusan bukan sahaja kerana beban kewangan yang tinggi, tetapi juga tidak boleh diterima dari segi sosialnya. Memandangkan sumber kewangan yang banyak diperlukan untuk memenuhi sebahagian besar permintaan dalam negeri, adalah tidak mungkin bagi kerajaan sahaja untuk menanggung beban tersebut sepenuhnya. Oleh itu adalah penting dikaji semula sistem pembiayaan pendidikan tinggi sekarang dan memperkenalkan langkah-langkah seperti penubuhan sebuah Universiti terbuka yang boleh mengurangkan kos kewangan kerajaan."

Laporan dan kenyataan di atas ini adalah merupakan satu strategi baru yang menyentuh anak-anak Melayu dalam Pelajaran Tinggi. Ini disebabkan pembiayaan kerajaan dalam pelajaran tinggi boleh dikatakan hampir seratus peratus diterima oleh anak-anak Melayu.

Sekiranya strategi tidak mahu menghantar anak-anak kita ke Universiti di luar negeri bermakna anak-anak Melayulah yang akan tersekat peluang ini. Sekiranya perbelanjaan dipotong untuk Pelajaran Tinggi, anak-anak Melayulah yang menerima nasib yang buruk itu.

Dalam perenggan di atas ini beberapa perkara yang besar mengenai pelajaran boleh merugikan anak-anak Melayu di masa depan.

Dengan kerana kemiskinan, anak-anak Melayu tidak mampu berbelanja sendiri untuk mendapatkan pelajaran tinggi di luar negeri, manakala orang-orang bukan Melayu menghantar anak-anak mereka keluar negeri dengan pernbelanjaan sendiri. Anak-anak mereka akan dapat pelajaran yang terbaik di Universiti-universiti yang telah lama dan lengkap dengan segala peralatan dan pengajian yang terkemuka serta pendedahan pengetahuan yang tidak boleh didapati dalam negeri ini.

Dengan kerana hendak menyelamatkan perbelanjaan, menghadkan anak-anak Melayu mengambil pelajaran tinggi selama tempoh dua tahun sahaja di luar negeri, boleh melemahkan mereka dalam menghadapi persaingan untuk mendapat pekerjaan dalam syarikat-syarikat swasta. Tempoh dua tahun tidak cukup bagi mereka mendapat pengalaman dan pendedahan pengetahuan yang dikehendaki. Kerajaan sedang mengswastakan kesemua aktivitinya.

Alasan kesulitan mendapat tempat bagi pelajar perubatan dan

perakaunan dan ketidaksesuaian kemasyarakatan di luar negeri sangat-sangat tidak tepat dan munasabah.

Sekiranya hubungan baik Kerajaan Malaysia dengan Amerika Syarikat dan British dijalin dengan baik, masalah kesulitan itu tidak timbul. Universiti-universiti di luar negeri kebanyakkan berkehendakkan penuntut dari luar negeri untuk menampung perbelanjaan mereka. Penuntut-penuntut yang berkelayakan ke Universiti-universiti di luar negeri telah matang dan boleh menjaga diri mereka sendiri.

Kita tidak boleh menjadikan sebab sejumlah kecil penuntut yang menyeleweng, kerana dalam negara kitapun tidak kurang banyaknya penuntut yang terjebak dengan dadah, budaya buruk dan lain-lain lagi.

Apa yang menjadi mustahak ialah keutamaan dalam pertimbangan kepada anggaran perbelanjaan bagi membanyakkan anak-anak Melayu mendapat pelajaran tinggi yang terbaik. Sekiranya ini dapat dipersetujui Insya Allah usaha dan cita-cita negara akan berjaya.

# DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM MENGIKUT PENGERTIAN KERAJAAN KETERANGAN DAN HURAIAN YANG DIBUAT DALAM BUKU NILAI DAN ETIKA DALAM PERKHIDMATAN AWAM TERBITAN INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA. DISALIN UNTUK PERTIMBANGAN SEMASA MENGKAJI DASAR PEMBANGUNAN KEBANGSAAN DAN WAWASAN 2020

# ISLAM AMAL SIKAP TOLAK ANSUR

(Dipetik daripada Buku Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam terbitan Institut Tadbiran Awam Negara)

KETIKA kerajaan cuba menerapkan nilai-nilai Islam, tidak ada penjelasan secara terperinci dan rasmi dibuat. Dengan itu pegawai dan kakitangan kerajaan serta guru agama, masing-masing cuba membuat tafsiran sendiri. Maka banyaklah kekeliruan dan kefahaman yang berbeza berlaku. Banyak juga soal dibangkitkan berkenaan dengan kontradiksi yang ada dalam amalan-amalan di negara ini.

Untuk memahami apa yang dimaksudkan dengan dasar ini, perkara yang pertama yang harus diambil kira ialah negara Malaysia adalah nêgara berbilang kaum dan agama dan kakitangan kerajaan serta pentadbiran tidak boleh mengenepikan hakikat masyarakat majmuk ini. Sementara anggota yang terdiri dari orang Islam mudah menerima saranan supaya menerap nilai-nilai Islam, mereka yang bukan Islam tidak mudah dan tidak boleh dipaksa menggugurkan semua nilai dan amalan mereka dan sebaliknya menerima nilai-nilai Islam.

Di Malaysia, orang Islam menerima hakikat bahawa orang bukan Islam boleh memakan dan meminum atau mengamalkan perkara-perkara yang diharamkan oleh Islam. Selain larangan agama, budaya orang Islam Malaysia menolak bukan sahaja makanan yang diharamkan, tetapi tidak pun sanggup melihat

makanan ini. Namun tidak terlintas di kalangan orang Islam untuk mengharamkan makanan yang tidak haram bagi penganut agama lain. Sikap ini adalah sesuai dengan ajaran Islam, iaitu "**kepada aku agama aku, kepada engkau agama engkau "Lakum di nukum wali yadeen"**.

Walaupun dengan orang bukan Islam mengamalkan kepercayaan dan nilai-nilai mereka dalam kehidupan harian, ini tidak bermakna bahawa Islam tidak wujud di Malaysia. Demikian juga amalan yang bertentangan dengan agama Islam yang dilakukan oleh orang bukan Islam, tidak menidakkan dakwaan agama Islam adalah agama rasmi Malaysia. Sejak zaman dahulu hingga sekarang, orang Arab Kristian yang tinggal di negara-negara Arab dan mengamalkan cara hidup mereka tidak menidakkan keIslaman negara Islam atau penerimaan agama Islam sebagai agama rasmi negara berkenaan. Hanya di Haramain Mekkah dan Madinah sahaja yang larangan sepenuhnya diamalkan.

Demikianlah torelannya agama Islam, sehinggakan pada zaman Nabi pun undang-undang Islam tidak dikenakan ke atas orang-orang Yahudi yang tinggal di Madinah. Orang Yahudi di hukum oleh Nabi mengikut undang-undang Yahudi, umpamanya merejam dengan batu mereka yang berzina. Walaupun hukuman ini dihapuskan dalam kitab Talmud Yahudi, iaitu Taurat atau Torah, hukuman ini ada dan menjadi asas hukuman Nabi terhadap sepasang orang Yahudi yang berzina.

Apabila orang Islam menakluk dan mendirikan kerajaan-kerajaan di wilayah-wilayah Asia Barat, Asia Tengah, Afrika Utara hingga ke Sepanyol, ramai orang yang bukan Islam yang bermastautin di negara-negara yang diperintah oleh orang Islam. Mereka tidak dipaksa memeluk agama Islam dan mereka juga tidak tertakluk kepada Undang-Undang Syariah. Mereka tidak dipaksa membayar zakat umpamanya, tetapi dikenakan cukai kepala. Mereka juga terus dengan kebudayaan mereka, termasuk memakan dan meminum apa yang tidak dilarang oleh agama mereka.

Orang Kristian dan orang Yahudi bukan sahaja bebas bermastautin dalam negara-negara Islam tetapi mereka berkhidmat dengan kerajaan-kerajaan Islam. Di Sepanyol ada orang Yahudi yang menjadi Menteri Kewangan Kerajaan Islam. Demikianlah toleransnya kerajaan-kerajaan Islam, sehingga apabila negara-negara Kristian menindas orang Yahudi (yang disalahkan kerana kepercayaan orang Kristian bahawa orang Yahudilah yang menyebabkan Nabi Isa dibunuh) maka orang Yahudi biasanya mencari perlindungan di negara-negara Islam. Sebab itu sehingga hari ini, ada ramai orang Yahudi di Maghribi. Apabila Raja Sepanyol, Ferdinand, mengalahkan pemerintahan Islam yang akhir di Sepanyol yang berpusat di Granada, orang Yahudi melarikan diri daripada kekejaman pemerintahan Katholik dengan berpindah ke Maghribi bersama orang Islam.

Satu lagi peristiwa yang harus menjadi contoh, ialah apabila penganut agama Islam di Mekkah, diancam oleh orang Quraisy di zaman Nabi, mereka dinasihatkan oleh Nabi supaya berhijrah ke Habshah, sebuah negara Kristian. Di sana mereka diberi perlindungan daripada penindasan orang Quraisy yang meminta supaya semua orang Islam diserah kembali kepada pemerintahan Arab Quraisy.

Dalam mengamalkan ajaran Islam semua peristiwa ini perlu diambil kira. Jika apa yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. adalah sebahagian dari sunnah, maka kita tidak boleh membelakangkan sunnah ini dan memegang kepada tafsiran orang yang datang kemudian atau orang yang mempunyai kepentingan di kalangan orang Islam.

Daripada contoh-contoh ini, ajaran yang pertama ialah sikap toleran Islam terhadap orang bukan Islam. Di Malaysia yang mempunyai penduduk berbilang agama, sikap toleran Islam ini sangat penting. Justeru itu penerapan nilai-nilai Islam tidak seharusnya dipaksa ke atas orang bukan Islam.

Tetapi, alhamdulilah, kebanyakan daripada nilai Islam tidak bertentangan dengan nilai agama lain. Nilai-nilai ini adalah juga nilai agama lain, dan orang Islam tidak perlu mendakwa bahawa nilai itu milik agama Islam semata-mata. Yang penting ialah orang bukan Islam mengamalkan nilai-nilai ini walau apa pun yang dipanggilnya.

Justeru itu, jika nilai-nilai ini dipanggil nilai-nilai murni, ia tidak menidakkan keIslaman nilai-nilai itu. Sejarah Perjanjian Hudaibiyah ketika Nabi membuat perjanjian dengan orang Quraisy jelas menunjukkan sikap tolak ansur Nabi yang patut dijadikan contoh oleh orang Islam zaman ini. Kedegilan untuk menekankan keIslaman, apa yang dilakukan oleh orang Islam supaya pendirian ini diterima oleh orang bukan Islam tidak penting. Apa yang penting ialah kejayaan orang Islam. Dalam perjanjian Hudaibiyah, Nabi berjaya selangkah lagi dalam pengembangan ajaran Islam.

Oleh itu apa yang kerajaan menyarankan penerapan nilai-nilai Islam, yang penting ialah amalannya dan bukan nama yang dikaitkan dengannya. Kebanyakan orang Islam lebih berminat dengan perkataan bukan amalan. Kemunduran orang Islam di zaman ini adalah kerana tekanan yang diberi kepada perkataan lebih daripada amalan. Sudah tentu jika orang Islam mengamalkan ajaran Islam, mereka akan menjadi bangsa yang maju seperti orang Islam dalam dua tiga abad selepas wafatnya Nabi. Orang Arab di zaman Jahiliah adalah bangsa yang kolot, dan wilayahnya terhad kepada padang pasir semenanjung Arab, tetapi setelah menerima dan mengamalkan ajaran Islam dapat mendirikan sebuah tamadun yang lebih canggih dari semua tamadun pada zaman itu, dan mengembangkan tamadun Islam dari Sepanyol ke Eropah hingga ke Negara China di timur. Umat manusia juga mendapat banyak nikmat daripada perkembangan pengaruh orang Islam, walaupun ramai yang tidak menerima agama Islam. Tamadun Barat dan semua tamadun moden sebenarnya berasas kepada tamadun Islam.

Memandang kepada hakikat ini sementara orang Islam di Malaysia harus menerima dan mengamalkan nilai-nilai Islam dengan penuh kesedaran akan akibatnya, manakala orang bukan Islam boleh menerima nilai-nilai yang sama yang tidak bertentangan dengan kepercayaan mereka. Jika mereka memakan atau meminum apa yang diharamkan oleh Islam, atau mereka berjudi, tetapi di samping itu mereka mengamalkan nilai-nilai lain yang secocok dengan nilai Islam, ini adalah memadai bagi mereka. Hanya orang Islam sahaja yang dikehendaki mengamalkan semua nilai-nilai Islam.

Bagi menjayakan pentadbiran kerajaan, nilai-nilai Islam yang diutamakan boleh diamalkan oleh semua rakyat Malaysia, sama ada mereka Islam atau bukan Islam. Nilai-nilai yang diutamakan untuk pentadbiran yang boleh diterima oleh orang Islam dan bukan Islam, ialah amanah, kejujuran, bertanggungjawab, rajin, ikhlas, tertib, disiplin, mengutamakan masyarakat lebih daripada diri sendiri, sanggup berkorban, tidak tamak, berpandangan jauh, bermoral dan berkelakuan baik dan pelbagai lagi.

Nilai-nilai ini penting dalam pentadbiran kerana pemerintahan perlu mengutamakan masyarakat dan bukan diri sendiri sehingga masyarakat akan rugi. Amanah umpamanya, amat penting bagi pentadbiran kerana pentadbiran diberi kuasa untuk mengurus masa, harta dan orang ramai. Pentadbir yang melengah-lengahkan kerja akan membazirkan masa dan wang masyarakat. Demikian juga pentadbir yang tidak cekap atau yang menerima rasuh, atau tidak berasa bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan kepadanya.

Nabi Muhammad s.a.w. biasa membawa barang-barang Siti Khadijah untuk diniagakan hingga ke Syria. Setiap perjalanan tentulah mengambil masa berbulan-bulan. Jualan dan untung rugi perniagaan yang diuruskan oleh Nabi tidak mungkin diawasi oleh Siti Khadijah. Hanya Nabi sahaja mengetahuinya. Tetapi Nabi tidak menipu barang sedikit pun. Demikianlah amanah,

tanggungjawab dan keikhlasan Nabi, sehingga Siti Khadijah menaruh penuh kepercayaan terhadap urusan perniagaannya di tangan Nabi, akhirnya Nabi berkahwin dengan Siti Khadijah kerana Siti Khadijah kagum dengan peribadi mulia Nabi.

Nabi Muhammad s.a.w . diberi gelaran **'Al-Amin'** oleh masyarakat Mekkah kerana amanah dan kejujurannya. Gelaran ini sepatutnya menjadi panduan besar kepada umat Islam. Jika dikehendaki mengikut sunnah Nabi, tidak ada amalan yang lebih dekat dengan peribadi Nabi daripada keikhlasan dan sifat amanahnya. Ramai yang lebih mengutamakan simpan janggut seperti Nabi, tetapi tidak begitu mengutamakan amanah seperti Nabi. Oleh itu, penerapan nilai amanah oleh pegawai dan kakitangan kerajaan bermakna penerapan nilai-nilai Islam. Dan apabila seseorang tidak beramanah, maka ia di segi amalan nilai Islam, jauh daripada Islam.

Demikian juga dengan nilai-nilai lainnya disebut tadi. Semua disebut dalam Al-Quran atau sunnah Nabi. Jika kita anggap pakaian dan rupa bentuk Nabi adalah sebahagian daripada sunnah, apakah kita tidak anggap peribadi Nabi juga sebagai contoh dan sunnah. Jikalau kita begitu menghargai rupa fizikal seperti janggut umpamanya tidakkah kita harus menghargai lebih lagi sifat-sifat mulia yang ada pada Nabi.

Kita tidak membelakangkan amal ibadat seperti solat, puasa, zakat dan kerja haji. Ini semua diwajibkan kepada orang Islam. Tetapi apakah orang yang menunaikan ibadat tertentu ini, tetapi tidak beramanah, malas, rasuah, tidak bertanggungjawab, tidak ikhlas, tidak berpengetahuan, apakah mereka benar-benar orang Islam yang berpegang kepada ajaran Islam? Apakah orang yang tidak mengamalkan nilai-nilai mulia Islam, orang Islam yang sempurna yang dikehendaki oleh Allah s.a.w.?

Apakah pemerintahan oleh orang Islam yang tidak cekap, tidak adil, tidak maju, tidak jujur dan lemah dituntut oleh agama Islam?

Apakah pemerintahan orang Islam yang tidak pun mampu bersaing dengan orang lain dan tidak berkemampuan mempertahankan diri, pemerintahan yang boleh dianggap sebagai yang menerap nilai-nilai Islam?

Ada pihak yang menganggap hanya jika hukum hudud dilaksanakan barulah pemerintahan itu dianggap sebagai menerap nilai-nilai Islam. Hukum-hukum Islam bukanlah hukum buta tuli. Semua hukum Islam mempunyai kelonggaran tertentu, kerana perlu mengambilkira keadaan. Berkenaan dengan solat, umpamanya dalam keadaan tertentu, solat boleh didahulukan atau ditangguhkan. Di waktu sakit atau dalam keadaan sempit, solat biasa boleh diganti dengan mengurangkan gerak badan kepada yang mampu dibuat sahaja. Apatah lagi dengan hukum-hukum lain termasuk hukum hudud.

Bukan semua orang Islam tinggal di negara yang mereka memerintah dan berkuasa penuh. Di mana mereka menjadi minoriti mereka tidak berupaya menjalankan hukum-hukum Islam. Apakah kerana ini maka orang Islam ini dianggap sudah menyalahi hukum-hukum Islam atau mereka kurang Islam? Orang Islam tidak suka jika hukum-hukum agama lain dikenakan kepada mereka yang mereka tidak berkuasa. Justeru itu, mereka tidak seharus cuba memaksa orang yang bukan Islam dikenakan hukum Islam, terutama dengan perbuatan demikian akan tercetus huru-hara sehingga menimbulkan bahaya yang besar kepada masyarakat Islam dan pemerintah Islam.

Di dunia sekarang walaupun ada banyak juga negara yang diduduki oleh majoriti Islam yang besar dan pemerintah terdiri daripada orang Islam tetapi hukum hudud dan lain-lain hukum Islam tidak dilaksanakan. Di Arab Saudi pun ada hukum yang tidak dikuatkuasakan. Di negara-negara Islam lain, mereka tidak pun mendakwa secara rasmi mereka adalah negara Islam dan sudah tentu tidak menguatkuasakan hukum hudud. Ada juga negara yang majoriti penduduk orang Islam tetapi pemerintah mendakwa

mereka adalah negara sekular. Tetapi orang Islam di negara ini masih terima mereka sebagai negara Islam.

Agama Islam memberi tempat kepada keadaan Siasah. Orang Islam diberi banyak kelonggaran. Agama Islam bukan untuk menyusahkan orang Islam. Jika dalam negara berbilang agama seperti Malaysia, orang Islam dikenakan potong tangan dan orang bukan Islam tidak dikenakan maka orang Islam ramai yang akan kudung dan tidak dapat bersaing dengan orang bukan Islam. Walaupun kebanyakan orang Islam mempunyai pegangan kepada agama Islam yang kuat, tetapi kita tidak boleh jamin mereka tidak akan merasa hampa dan kecewa apabila mereka melihat orang bukan Islam hidup lebih selesa. Sebenarnya sudah ada orang Melayu yang menolak agama Islam. Kita tidak boleh salahkan dakyah agama lain sahaja. Apabila orang Islam meninggalkan agama Islam, sedikit sebanyak masyarakat Islam bersalah.

Kita harus sedar akan hakikat ini supaya dalam usaha kita menerap nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, ia tidak menyebabkan pemerintahan dan negara menjadi lemah, tidak berdaya maju dan mengalami huru-hara. Jika itu berlaku kerana penerapan nilai-nilai Islam maka Islam akan mendapat nama yang buruk dan akan dianggap sebagai penghalang kemajuan.

Sama ada kita suka atau tidak, hakikatnya ialah naluri manusia menyebabkan mereka memandang tinggi dan menghormati orang yang nyata berjaya. Kita boleh berkata bahawa kegagalan orang Islam pada zaman ini bukan sebenarnya kegagalan. Demikian juga kita boleh berkata kejayaan orang bukan Islam sebenarnya bukan kejayaan tetapi mereka gagal dan akan menerima balasan buruk di akhirat. Kita boleh berpuas hati dengan dakwaan kita ini. Tetapi kepercayaan dan kehormatan kepada agama Islam akan berkurangan dan mungkin bilangan penganut agama Islam juga akan kurang.

Di zaman Islam berkembang selepas wafatnya Nabi Muhammad s.a.w. orang Islam adalah orang termaju di dunia. Mereka bukan

sahaja membuat ibadat yang diwajibkan, tetapi mereka cekap memerintah, berdisiplin dan boleh mempertahankan umat Islam dengan senjata-senjata yang dianggap canggih pada masa itu, terpelajar dalam pelbagai ilmu yang bukan khusus berkenaan dengan tafsiran agama, boleh belayar mengharungi lautan yang luas, kenal gerak bulan, bintang dan matahari, dapat mencipta alat-alat mengukur dan lain kecekapan lagi.

Justeru itu, mereka dan agama Islam mendapat penghormatan di mana juga mereka pergi. Di Malaysia, sebabnya orang Melayu yang beragama Hindu atau hanya percaya kepada hantu dan roh, terpengaruh dengan keilmuan dan kepintaran orang Arab dan India Islam sehingga mereka memeluk agama Islam.

Jika orang Arab dan India Islam yang datang berniaga di negeri-negeri Melayu pada masa itu tidak tahu menyeberangi laut dan pintar berniaga dan kaya, walaupun mereka membuat ibadat untuk menentukan tempat bagi diri mereka di akhirat, orang Melayu tidak akan terpikat dengan mereka sehingga sanggup memeluk agama Islam. Hanya dengan mencerita berkenaan dengan Syurga dan Neraka dan ibadat tertentu yang akan menentukan tempat di akhirat, tidak akan meyakinkan orang Melayu akan kebaikan agama Islam. Sudah tentu jika mereka tidak mengamalkan nilai-nilai Islam yang mulia dan dengan itu mereka menjadi orang yang tidak berjaya dengan berperangai yang tidak baik, orang Melayu tidak akan menerima agama Islam.

Di Korea, sebabnya ada orang Korea yang memeluk agama Islam ialah kerana mereka melihat askar Turki berani berperang, tertib dan berdisiplin. Jika mereka hanya kuat beribadat tetapi tidak cekap berperang dan bacul, sudah tentu orang Korea tidak akan menerima agama Islam. Kejayaan orang Turki memikat hati orang Korea dan apabila mereka diberitahu bahawa askar Turki beragama Islam, maka orang Korea menghormati agama Islam dan menerima agama Islam.

Oleh kerana sebab-sebab ini, penerapan nilai-nilai Islam tidak bermakna hanya membuat ibadat tertentu untuk mendapat tempat bagi diri sendiri di akhirat. Ia juga tidak bermakna melaksanakan hukum hudud dengan tidak mengambil kira siasah. Nilai-nilai Islam yang hendak diserapkan ialah nilai-nilai yang akan berjaya mendirikan sebuah kerajaan yang cekap dan berkemampuan mentadbir secara yang berkesan di segi keamanan keselamatan dan pembangunan yang mampu menyaingi pemerintahan-pemerintahan lain. Pemerintahan yang betul-betul menerap nilai-nilai Islam tetap akan berjaya. Tetapi jika tafsiran berkenaan dengan nilai-nilai Islam adalah sempit atau tidak tepat dan dengan itu pentadbiran gagal, maka yang salah bukan agama Islam tetapi mereka yang membuat tafsiran yang salah.

Sebaliknya, jika pentadbiran yang menerap nilai Islam berjaya, maka Islam dan penganutnya akan dihormati dan dengan itu banyaklah nikmat yang akan diperolehi oleh semua pihak.

Inilah yang dimaksudkan dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara Malaysia dan inilah tujuannya.

# KESAN DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM KEPADA RAKYAT DAN NEGARA MASA DEPAN

Dasar penerapan nilai-nilai Islam yang dibuat bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan serta guru-guru, kesannya bukan setakat mereka ini sahaja, ia akan meliputi masyarakat dalam negara ini dengan tidak secara langsung. Dengan itu adalah mustahak difahami tentang pengertiannya dengan betul.

Selain daripada itu kita dapat memahami dengan pengertian yang dihuraikan dalam dasar penerapan nilai-nilai Islam ini, tentang di mana duduknya kerajaan dalam usaha pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Tidaklah hairan kiranya kesemua dasar kerajaan yang digubal termasuk Dasar Ekonomi Kebangsaan dan Wawasan 2020 tidak langsung disebut perkataan atau nama Islam, mahupun pada dasar atau strateginya. Dan kita percaya sekiranya dasar ini tidak berubah maka perkataan dan sebutan Islam akan dihapuskan dalam kesemua dasar-dasar yang akan dibuat oleh kerajaan di masa hadapan.

Dalam pengertian yang diberi mengenai penerapan nilai-nilai Islam ini ada beberapa perkara besar yang menjadi isi kepada dasar penerapan nilai-nilai Islam itu.

Yang paling besar ialah perasaan takut untuk menggunakan perkataan Islam kerana negara Malaysia sebuah negara majmuk atau berbilang kaum dan agama.

Untuk ini kita suka mencatatkan angka peratusan penduduk dalam Malaysia supaya dapat kita faham darjah majmuk yang sebenarnya di Malaysia ini.

Daripada kenyataan yang diberi oleh Encik Michael Onn Kheng dalam kertas kerjanya di Seminar MCA yang dianjurkan oleh Ibu Pejabat MCA pada hari Ahad, 28 Jun 1987 bertajuk "Delima Politik Orang Cina" berbunyi:

"Delima politik orang Cina dijangka lebih buruk pada jangka panjangnya melainkan sesuatu dibuat untuk mengubahkannya. Trend demographic tidak menguntungkan dalam menembusi masyarakat orang Cina. Kajian demographic menunjukkan bahagian orang Cina dalam jumlah penduduk Malaysia berkurangan kepada 13 peratus pada tahun 2100, manakala penduduk Melayu bahagiannya bertambah kepada 83 peratus. Trend penduduk ini mempunyai implikasi yang luas bagi bangsa Malaysia di mana bahagian-bahagian bagi punca hasil akan diasaskan kepada jumlah penduduk mengikut peratusan kaum-kaum pada satu-satu kumpulan. Pada tahun 2000, kajian yang sama menunjukkan bahagian orang Melayu dalam jumlah penduduk akan menjadi 62 peratus, meningkat, daripada 56 peratus, manakala bahagian orang Cina menurun kepada 28 peratus daripada 34 peratus..." (Terjemahan daripada bahasa Inggeris).

Sekiranya kajian ini benar maka pada tahun 2100 orang Melayu Islam berjumlah 83 peratus daripada jumlah kesemua penduduk Malaysia. Ini tidak termasuk bilangan orang-orang Cina dan India Islam, yang kita tidak tahu bilangannya yang sebenar. Jelasnya pada masa itu majoriti orang Islam sungguh besar dan tidak ada alasan untuk menolak kehendak orang Islam, bukan sahaja memakai nama Islam bahkan memerintah dengan mengikut undang-

undang Islam. Tidak akan ada sebuah kerajaan yang boleh berdiri dengan tidak mengikut kehendak rakyat dalam sebuah negara demokrasi.

Kekeliruan yang ditimbulkan dalam pengertian Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam di atas ini ialah mengenai pelaksanaannya. Dalam sebab-sebab yang diberi banyak dikaitkan dengan paksaan dalam menjalankan hukum Islam, bukan penerapan nilai-nilai Islam.

Pada fahaman kita untuk memperkenalkan nilai-nilai Islam kepada kakitangan kerajaan dan guru-guru agama bukan merupakan satu paksaan hukum Islam, ia lebih merupakan peraturan kerja yang diperkenalkan kepada kakitangan kerajaan mengikut nilai-nilai Islam. Tidaklah ada kakitangan kerajaan yang akan memberontak menentang kerajaan disebabkan aturan-aturan kerja yang baik yang sudah menjadi kesukaan manusia yang baik.

Menghapuskan nama Islam dalam menerapkan dasar-dasar kerajaan pada masa ini dan seterusnya, akan boleh menghilangkan nama Islam dan pengenalan Islam kepada generasi akan datang. Kita sepatutnya faham nilai-nilai murni dan mulia tidak akan ada kemurnian dan kemuliaannya dengan tidak adanya kefahaman Islam. Inilah perbezaan di antara Islam dengan bukan Islam. Islam adalah satu akidah, kepercayaan yang tidak boleh dihapuskan daripada diperkenalkan kepada manusia, bukan sahaja orang-orang Islam.

Dalam memberi pengertian di atas ini kerajaan lebih memberi pengertian kepada Islam tidak akan dapat diterima dengan tidak ada kejayaan dan kekayaan. Ini contoh yang sangat berlawanan dengan sejarah Islam itu sendiri di mana pada masa permulaan Islam jumlah besar pengikut setia Rasulullah terdiri daripada orang-orang miskin dan tidak berada. Kita seharusnya sedar bahawa keselamatan Islam dijamin oleh Allah dan itulah sebabnya ia terus berkembang keseluruh dunia sehingga kepada hari ini. Tidak ada kuasa yang boleh menyekat Islam daripada dikenali oleh umat

manusia sebagai satu agama yang mulia dan tinggi. Masa untuk memperkenalkan Islam dengan cara berselindung telah lama tamat iaitu setelah Allah memerintahkan RasulNya menyebarkan Islam dengan secara terbuka, oleh itu tidak ada sebab maka di zaman kita ini iaitu zaman Islam sedang membangun kita hendak berselindung dalam menjalankan dasar kerajaan mengenai nilai-nilai Islam.

Bagi menguatkan hujah untuk menolak penggunaan nama Islam kerajaan membawa hukum hudud sebagai contoh yang menakutkan rakyat menerima hukum-hukum Islam. Memotong tangan pencuri adalah satu hukum bagi menakutkan manusia daripada melakukan jenayah begitulah jua dengan kerajaan mengenakan hukum bunuh kepada pengedar dadah. Dengan memotong tangan tidak bermakna semua orang akan kudung sebagaimana yang didakwa itu, begitulah juga dengan hukum bunuh bagi pengedar dadah, bukan semua orang akan dihukum bunuh. Masalah persaingan tidak langsung timbul dalam menjalankan hukum ini, kerana yang dihukum ialah penjenayah-penjenayah sahaja.

## CARA PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Untuk pengertian yang lebih lanjut pelaksanaan dalam bidang perundangan kita petik beberapa fasal dalam kertas kerja yang dikemukakan oleh Yang Berbahagia Pro. Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim Sheikh Al-Kulliyyah, Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa. Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Perundangan Islam. Kertas kerja I bertajuk ***"SEKATAN-SEKATAN DALAM PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA".***

Muka I.....

"Di negeri-negeri Melayu sebelum masuknya pengaruh kerajaan British undang-undang asas atau undang-undang negeri ialah undang-undang Islam bersama Adat Melayu..."

Undang-undang Islam yang diikuti itu ialah di dalam semua bidang dan meliputi Undang-undang Keluarga, Undang-undang Jenayah, Undang-undang Tanah dan Undang-undang Mal, termasuk Undang-Undang Acara dan Keterangan.

Kumpulan Undang-undang Melayu Lama seperti Undang-undang Melaka atau undang-undang yang dikumpulkan untuk Sultan Pahang mempunyai Undang-Undang Mal, Undang-Undang Keterangan dan Undang-Undang Acara. Majalah Al-Ahkam suatu kumpulan Undang-Undang Mal Islam, yang diperundangkan di Turkey telah diterjemah ke Bahasa Melayu dan diiktiraf sebagai undang-undang yang harus diikuti di mahkamah-mahkamah di Johor pada tahun 1914.

Muka 7.

Oleh kerana Islam menjadi Agama Rasmi Persekutuan dan juga Agama Rasmi untuk beberapa buah negeri di Malaysia, undang-undang Islam harus dikembalikan kepada tempat asal sebagai undang-undang asas dan undang-undang negeri di Malaysia.

Seksyen 3, dan 5 dalam Akta Undang-Undang Sivil hendaklah dimansuhkan. Dengan ini kita tidak akan merujuk kepada undang-undang Inggeris yang lapuk itu, tetapi bebas mencari undang-undang lain yang tidak bertentangan dengan Undang-Undang Islam. Suatu fasal hendaklah diadakan di dalam Perlembagaan yang bertujuan bahawa jika terdapat mana-mana undang-undang di Malaysia yang bertentangan dengan Undang-Undang Islam, maka hendaklah undang-undang itu terbatal setakat mana ia bertentangan itu. Dengan dua jalan ini bolehlah kita mengesahkan bahawa undang-undang di Malaysia sekurang-kurangnya tidak bertentangan dengan Undang-Undang Islam.

Selepas dari itu hendaklah kita menghormati dan menerima undang-undang di dalam semua bidang. Langkah ini tidak boleh diambil tergesa-gesa tetapi hendaklah kita orang Islam sendiri

mempelajari dan meyakinkan dengan ketinggian taraf dan keindahan Undang-Undang Islam itu. Kita harus meyakinkan diri sendiri dan orang-orang lain di Malaysia bahawa undang-undang Islam itu adalah adil dan saksama.

Sayangnya kita telah mengabaikan dan mencuaikan khazanah yang berharga yang telah diwariskan kepada kita oleh para ulama Islam. Kita harus mempelajari undang-undang Islam itu dan berikhtiar dan berijtihad jika perlu untuk menjadikan undang-undang Islam itu undang-undang kebangsaan di Malaysia. Beberapa langkah telah pun diambil di Jabatan Syariah, Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya dan kerjasama antara dua Fakulti itu telah membawa kesan yang sangat baik. Baru-baru ini Kulliyyah Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa telah ditubuh dengan tujuan menyampaikan pelajaran-pelajarannya untuk menerima dan mengemukakan Undang-Undang Islam diterima sebagai undang-undang asas bagi orang-orang Islam di Malaysia. Tetapi ini adalah langkah permulaan sahaja dan banyak lagi langkah harus diambil untuk menghilangkan sangka buruk terhadap Undang-Undang Islam, dan mengiktiraf serta menghormati Undang-Undang Islam sebagai undang-undang yang layak diterima sebagai Undang-Undang Kebangsaan di Malaysia. Undang-Undang di negeri-negeri Barat, dengan secara langsung atau tidak, dan dengan diketahui tidak, telah banyak mengambil dan meniru dari undang-Undang Islam. Di England banyak pembaharuan telah dibuat, yang telah membawa undang-undang itu lebih dekat kepada Undang-Undang Islam. Tetapi sayangnya kita di Malaysia hingga hari ini kerapkali menurut sahaja pembaharuan-pembaharuan yang telah dibuat di England, sungguhpun contoh setanding dengan itu atau yang lebih baik boleh didapati dari Undang-Undang Islam. Kita orang-orang Islam di Malaysia haruslah menyesuaikan diri dan menguatkan iman kita supaya kita layak menerima kurnia Undang-Undang Islam kepada kita selepas itu bolehlah kita cuba memujuk jiran-jiran kita di Malaysia menikmati undang-undang itu".

Daripada apa yang kita petik di atas ini nyatalah proses mengubah undang-undang telah lama menjadi amalan mana-mana kerajaan untuk disesuaikan dengan pemerintahannya. Oleh itu tidaklah timbul paksaan ke atas sesiapa atau kumpulan rakyat yang setia kepada pemerintahan itu.

Seorang peguam muda daripada keturunan Cina bernama Encik Lim Hai Kiang dalam Syarikat Peguam Razak Lim and Singa, menyatakan, setelah mendaftar bagi kursus Diploma dalam Undang-Undang Syariah di Universiti Islam Antarabangsa, "Sudah menjadi tabiat manusia takut kepada sesuatu yang mereka tidak mengertikannya. Saya sendiri tidak takut Undang-Undang Syariah kerana kiranya kamu tahu apa itu undang-undang kamu tidak akan melanggarnya. Dengan itu bermakna sekiranya Undang-Undang Syariah hendak dikenakan atau dilaksanakan kepada tiap-tiap orang kerajaan hendaklah menjamin supaya orang ramai mengetahuinya".

Kenyataan penuh dalam bahasa Inggeris yang disiarkan oleh New Straits Times, hari Isnin 23 Februari 1987, disertakan photostat dalam buku ini.

Dengan pendapat dan penjelasan daripada pakar undang-undang yang kita petik diatas ini, maka terpulang kepada pihak yang berkuasa untuk menentukan sikap dan azamnya dalam usaha yang maha besar dan suci ini.

# BAHAGIAN LAMPIRAN

## UNTUK MENGUATKAN HUJAH KITA TENTANG KESILAPAN DASAR KERAJAAN UNTUK MENGURANGKAN TANAMAN PADI KITA TERJEMAHKAN SATU RENCANA YANG DITULIS OLEH CHE CHIN CHEE HOON DALAM AKHBAR STAR KELUARAN HARI AHAD 17 HB. NOV. 1991 DI BAWAH FOKUS IDEA YANG CANTIK, TETAPI BOLEHKAH KITA GANTI BERAS?

Satu pengumuman telah dibuat oleh Dato' S. Subramaniam, Timbalan Menteri Pertanian di satu Seminar di Johor Bharu pada hari Khamis telah menimbulkan beberapa persoalan yang menarik.

Dato' Subramaniam menyatakan rakyat Malaysia patut mengurangkan penggunaan beras dan memakan lebih banyak protin. Beliau berkata langkah ini ialah bagi menghadkan penanaman padi kepada 210,000ha, dalam kawasan yang ditentukan. Kawasan yang lain yang tidak ditentukan akan digunakan untuk tanaman kontang dan buah-buahan. Beliau berharap untuk mengurangkan kos pengeluaran beras tempatan dan mengalihkan subsidi kerajaan kepada projek pembangunan yang lebih mustahak.

Bunyinya ini seolah-olah satu matlamat yang baik. Lebih banyak tanah boleh digunakan untuk menambah pendapatan negara dan wang peruntukannya boleh disalurkan ke arah pembangunan.

Walaubagaimanapun, ada beberapa perkara penting yang mustahak dikaji. Pertama, apakah yang dikatakan makanan protin tinggi itu, yang dijangka, kita akan memakannya. Apakah implikasi pemakanan, ekonomi, sosial dan kebudayaan yang terlibat?

Beras adalah makanan utama di kawasan ini. Mengikut ahli sosiologi dan ahli kaji pemakanan, penduduk di sini mengaitkan makanan mereka dengan penggunaan beras. Perkara ini tidaklah nampak begitu jelas di dalam kawasan perbandaran di mana kebudayaan barat telah memainkan peranan mengubah penilaian kita terhadap pemakanan. Bagaimanapun penduduk di luar bandar akan mengambil masa yang susah untuk menerima cadangan ini.

Kemungkinan besar pendapat ini timbul daripada amalan budaya kita menjemput tetamu untuk menjamu hidangan-hidangan yang berlebihan dengan meninggalkan nasi. Ianya boleh juga terjadi dengan sebab salah anggapan bahawa protin boleh menghilangkan lapar secara mendadak dengan lebih lama. Yang sebenarnya minyak dan lemak yang didapati di dalam daginglah yang membuat kita terasa kenyang bukannya daging.

Bolehlah disimpulkan bahawa protin boleh didapati dari dua punca terbesar, iaitu tanaman dan haiwan. Mengikut alam semulajadi protin daripada tanaman bukanlah dari kumpulan yang mengandungi protin yang tinggi. Kacang soya menduduki tingkatan yang paling tinggi di antara 32 hingga 45 peratus. Selain dari itu, kacang cabut, kacang pea, biji kapas, biji bunga matahari dan lain-lain jatuh di antara 20 hingga 35 peratus.

Di sebalik penerimaan segala jenis bahan kacang soya dengan cara meluas seperti tauhu dan lain-lain jenis pati kacang adalah sesuatu yang berlainan sama sekali untuk memakannya setiap hari.

Walaubagaimanapun pengeluaran kacang soya kita tidak pernah sampai setengah daripada pengeluaran beras. Ini bermakna kita terpaksa membawa masuk lebih banyak dan pada akhirnya akan bercanggah dengan tujuan menjimatkan wang untuk pembangunan.

Makanan asas (cereal) termasuk beras mengandungi protin walaupun perbandingan kandungannya, umumnya, kurang dari 20 peratus. Barangkali punca protin yang lebih baik adalah daripada haiwan. Ada banyak pilihan yang boleh dibuat tetapi kosnya adalah lebih tinggi.

Lembu dan kambing mengambil masa bertahun untuk membesar ditambah pula dengan kawasan ragut yang luas, sekiranya dikira sama keperluannya maka jauh lebih banyak dari yang diperlukan bagi tanaman padi.

Sungguhpun babi memerlukan kawasan yang lebih kecil, oleh kerana peraturan-peraturan yang ketat, ianya hanya boleh dimakan oleh oprang-orang bukan Islam, lebih sedikit daripada separuh penduduk negara kita dapat menggunakannya sebagai makanan.

Makanan laut juga adalah dari punca yang merumitkan, pihak nelayan telah pun menyuarakan tentang tangkapan hasil yang semakin berkurangan. Industri perikanan yang baru masih lagi tidak mampu memenuhi permintaan-permintaan dengan kos yang boleh diterima. Kebanyakan udang-udang yang diusaha sendiri dihantar ke luar negara.

Lebih-lebih lagi dengan bertambahnya pencemaran air adalah dijangka pengeluaran hasil laut akan terus menerus berkurangan dengan harganya pula akan terus meningkat.

Pada masa ini ayam, susu dan telor adalah punca protin yang paling murah dan paling mudah di dapati di pasar. Bagaimanapun

harga ayam/itik yang berkeadaan begitu disebabkan musim pengeluaran yang berlebihan pada masa-masa yang tertentu sahaja. Sekiranya permintaan bertambah di masa depan pengeluaran berlebihan itu tidak akan terjadi dan harganya akan beransur naik untuk menampung kos pengeluaran.

Di samping itu siapakah yang hendak memakan ayam setiap hari, sekalipun pihak pemerintah dan kerajaan mahu sedemikian?

Patutlah diperingatkan haiwan tidaklah ekonomik sebagai makanan. Mereka di kehendaki diberi makan dengan banyak, tetapi hasilnya jauh lebih kecil. Ini adalah faktor biologi: Semakin umur meningkat semakin banyak makanan digunakan, semakin bertambah perbelanjaan atas makanan.

Telor diperolehi protin di bahagian merahnya dan banyak orang mengelakkan dari mengambilnya kerana khuatir akan kolestrol (Cholestral), susu juga tidak diterimanya oleh rakyat Malaysia sungguhpun kerajaan cuba mengamalkan susu sebagai bahan minuman.

Dengan demikian kita hanya mempunyai sedikit sahaja pilihan daripada cadangan Timbalan Menteri itu. Protin berasaskan haiwan akan hanya menjadi terlampau mahal manakala protin daripada tanaman pula tidak begitu mencukupi.

Adalah tidak menghairankan ahli-ahli kaji makanan menganggap protin sebagai punca tenaga yang amat mahal. Apabila protin digunakan bagi menggantikan karbohairat (bahan kandungan utama beras) ianya sememangnya memakan belanja yang banyak.

Dengan mengurangkan beras yang kita makan dan menggantikan tempatnya dengan protin, kita akan berakhir dengan mengeluarkan perbelanjaan yang lebih banyak.

Dari segi kesihatan, melebihi protin juga tidak begitu baik. Ia akan membebankan badan kita untuk memprosesnya. Protin dari haiwan juga dikaitkan secara tidak langsung dengan lemak, satu sebab yang membawa kepada penyakit jantung dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

Inilah sebabnya ahli-ahli kaji makanan menyarankan supaya mengimbangkan kabohaidrat, protin dan lemak dalam menjaga kesihatan.

Tanaman padi masih patut diberi keutamaan dalam dasar pertanian negara kita, sekalipun kita telah meningkatkan mutu jenis-jenis padi dan teknologi yang lebih baik.

Adalah juga untuk kepentingan dan keselamatan negara bagi kita mengeluarkan makanan yang mencukupi. Pihak kerajaan patut mengambil berat perkara ini sebelum mengeluarkan cadangan-cadangan yang akan membawa padah buruk dalam jangka panjang

## SALINAN PHOTOSTAT

1 - WAWASAN 2020 OLEH DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMED KETIKA MEMBENTANGKAN KERTAS KERJA BERTAJUK *"MALAYSIA LANGKAH KEHADAPAN"* DI MAJLIS PERDAGANGAN MALAYSIA.

2 - BERJAYAKAH WAWASAN 2020? PROF. DIRAJA UNGKU AZIZ MENGHURAIKAN PENDAPATNYA. TEMURAMAH KHAS OLEH NORITAH SULAIMAN PHOTO SHAARI AMIN.

3 - ISLAM AMAL SIKAP TOLAK ANSUR DIPETIK DARIPADA BUKU NILAI ETIKA DALAM PERKHIDMATAN AWAM TERBITAN INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA.

4 - KERTAS KERJA PARTI MCA.

5 - IGP ORANG CHINA MASIH BELUM MAHU JADI POLIS

6 - RAKYAT LARI KE CHINA DIANGGAP PENDERHAKA

7 - HAPUSKAN HAK ISTIMEWA MELAYU: DR. MAHATHIR.

8 - USAH BANGGA HAK ISTIMEWA: GHAFAR BABA.

9 - PENERANGAN YANG LEBIH TEPAT MENGENAI UNDANG-UNDANG SYARIAH.

10 - UNDANG-UNDANG SIVIL BUKAN PENGHALANG.

11 - IDEA BAIK TETAPI BOLEHKAH GANTI BERAS?

# WAWASAN 2020



*Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad*

Oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika membentangkan kertas kerja bertajuk "Malaysia: Langkah ke hadapan" di Majlis Perdagangan Malaysia.

**Kertas kerja ini bertujuan untuk mengemukakan kepada anda beberapa pandangan tentang arah masa depan negara kita dan bagaimana kita patut berusaha mencapai matlamat membangunkan Malaysia menjadi Negara Perindustrian. Turut digariskan beberapa langkah yang patut diambil dalam jangka pendek supaya asas bagi perjalanan jauh untuk mencapai matlamat utama itu dapat diatur.**

Kita berharap bahawa rakyat Malaysia yang dilahirkan hari ini dan pada tahun-tahun akan datang akan menjadi generasi terakhir warganegara kita yang tinggal di negara yang digelar 'membangun'. Matlamat utama yang patut kita tujui ialah Malaysia yang menjadi negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Anda mungkin bertanya apakah sebenarnya "negara maju sepenuhnya"? Adakah kita mahu menjadi seperti 19 negara sekarang yang umumnya digelar 'negara maju'? Adakah kita mahu menjadi seperti United Kingdom, Kanada, Holland, Sweden, Finland, Jepun? Yang jelasnya setiap satu daripada 19 negara ini, daripada masyarakat dunia yang mempunyai lebih 160 negara, mempunyai kekuatan tersendiri. Tetapi setiap negara itu juga mempunyai kelemahannya. Tanpa meniru salah satu negara berkenaan, kita masih boleh membangun. **Kita patut menjadi negara maju mengikut kehendak kita.**

Malaysia tidak harus dibangunkan dalam bidang ekonomi sahaja. Ia mesti menjadi negara yang maju sepenuhnya dalam semua bidang: ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi, dan kebudayaan. Kita mesti maju dalam erti kata perpaduan nasional dan sosial, dalam erti kata ekonomi kita, dalam erti kata keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kerohanian, maruah bangsa dan keyakinan.

Menjelang tahun 2020, Malaysia dapat menjadi negara bersatu, dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, dan mempunyai penguasaan sepenuhnya terhadap ekonomi yang bersaing, dinamik, cergas dan kental.

Tidak akan wujud Malaysia yang maju sepenuhnya sehingga kita akhirnya dapat mengatasi sembilan cabaran strategik yang kita hadapi sejak kelahiran kita sebagai sebuah negara merdeka.

**Cabaran pertama** ialah mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya secara adil, dan terdiri daripada satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.

**Yang kedua** ialah cabaran untuk mewujudkan sebuah tenteram dan maju, dengan keyakinan akan keupayaan sendiri, berbangga dengan apa yang ada, dengan apa yang telah dicapai, cukup gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, amat sedar akan semua potensinya, tidak mengalah kepada sesiapa, dan dihormati oleh rakyat negara lain.

**Cabaran ketiga** yang sering kita hadapi ialah usaha mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, yang mengamalkan satu bentuk demokrasi Malaysia yang mempunyai persefahaman matang, berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada beberapa banyak negara membangun.

**Keempat** ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, dengan warganegaranya teguh dalam nilai agama dan kejirohanian dan didokong oleh nilai etika paling tinggi.

**Cabaran kelima** yang selalu kita alami adalah untuk mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, dengan rakyat Malaysia pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama mereka dan pada masa yang sama meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara.

**Keenam** ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan tinggi dan ber-

pandangan ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

**Cabaran ketujuh** untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mementingkan masyarakat lebih daripada diri sendiri, dengan kebajikan insan tidak berkisar pada negara atau orang perseorangan tetapi di sekeliling sistem keluarga yang kukuh.

**Kelapan** ialah cabaran untuk memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi. Ini merupakan masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama, dengan wujudnya perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi, dan pengenalan kemunduran ekonomi berdasarkan kaum.

**Cabaran kesembilan** ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

Kita sudah lama berusaha ke arah mencapai matlamat berkenaan. Kesembilan matlamat utama yang dinyatakan ini tidak semestinya menjadi urutan keutamaan kita untuk tiga dekad akan datang. Tentunya keutamaan dalam satu-satu masa mesti memenuhi keadaan khusus pada masa berkenaan.

Tetapi tentulah memeranjatkan jika cabaran strategik pertama yang saya sebutkan—mewujudkan negara Malaysia bersatu — tidak akan menjadi keutamaan yang paling asas, paling pokok.

Oleh sebab apa yang akan saya katakan pada pagi ini banyak tertumpu pada pembangunan ekonomi, izinkan saya tekankan sekali lagi bahawa pembangunan sepenuhnya ke arah masyarakat maju yang kita cita-citakan — walau macam mana setiap kita mahu mentafsirkannya — tidak boleh dimaksudkan pada kemajuan kebendaan dan ekonomi sahaja. Pembangunan ekonomi tidak seharusnya menjadi satu-satunya matlamat paling utama untuk memenuhi keperluan negara kita.

Oleh sebab Majlis ini perlu menumpukan perhatian pada isu pembangunan ekonomi dan keadilan sosial ekonomi, yang bagi negara ini perlu diusahakan bersama-sama untuk masa depan yang lebih cerah, izinkan saya jelaskan tanggapan mengenai cabaran strategik utama yang berkaitan dengan dua matlamat penting ini.

Pada ketika ini, lebih baik kita jelaskan dengan lebih terperinci matlamat mewujudkan keadilan ekonomi dalam masyarakat.

Daripada serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru (DEB), tiada sesiapa pun yang menentang pembasmian kemiskinan mutlak — tanpa mengira kaum dan kedudukan geografi. Semua rakyat Malaysia, sama ada mereka yang tinggal di kawasan bandar atau luar bandar, sama ada mereka di selatan, utara, timur atau barat, mesti dinaikkan daripada garis kemiskinan mutlak.

---

## Negara ini mesti mampu menyediakan cukup makanan di atas meja supaya tidak ada seorangpun rakyat Malaysia mengalami masalah kekurangan zat makanan

---

Negara ini mesti mampu menyediakan cukup makanan di atas meja supaya tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang mengalami masalah kekurangan zat makanan yang teruk. Kita mesti menyediakan secukupnya keperluan asas seperti tempat tinggal, hak mendapat kemudahan kesihatan, dan semua keperluan asas yang lain. Malaysia yang maju perlu mempunyai kelas menengah yang besar dan bertenaga dan menyediakan peluang secukupnya untuk mereka di peringkat bawahan keluar daripada belenggu kemiskinan relatif.

Mata serampang kedua, iaitu memansuhkan pengenalan kaum berasaskan fungsi ekonomi utama, juga diterima umum walaupun ada yang beranggapan bahawa ia boleh dicapai tanpa mengubah sebarang kedudukan. Jika kita ingin membina masyarakat adil, kita mesti menerima beberapa tindakan tegas. Ini bermakna dalam pelbagai sektor pekerjaan yang penting, campuran pelbagai kaum yang mewujudkan negara Malaysia patutlah ada. Melalui usaha yang sah, kita mesti memastikan imbangan yang adil dalam profesion dan semua kategori pekerjaan utama. Sudah tentu kita juga mesti menekankan mutu dan kebolehan. Tetapi kita mesti memastikan pembangunan sihat masyarakat Bumiputera yang mampu dan gigih dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Malaysia maju tidak harus mempunyai masyarakat yang mengaitkan kemunduran ekonomi dengan kaum. Ini membawa makna kesamarataan pendapatan individu, iaitu keadaan semua rakyat Malaysia mempunyai pendapatan yang sama. Ini mustahil kerana melalui usaha tersendiri kita sebagai individu, melalui cara didikan hidup dan kehendak peribadi kita, kita semua akan mempunyai nilai ekonomi yang berlainan, dan akan menerima imbalan nilai yang berbeza. Kesamarataan dalam pendapatan individu sebagaimana yang diperjuangkan oleh fahaman sosialisme dan komunisme bukan sahaja mustahil tetapi tidak ada sesiapa yang mahukannya dan ia satu formula untuk kehancuran.

Tetapi saya yakin bahawa merapatkan jurang pendapatan kaum, melalui peruntukan secara sah peluang-peluang, melalui persamaan perkhidmatan sosial dan infrastruktur yang lebih dekat, melalui pembangunan budaya ekonomi yang sesuai dan melalui pembangunan sumber manusia sepenuhnya, adalah perlu dan memang dikehendaki. Kita mesti menanam cita-cita menjelang tahun 2020 hendak mencapai tahap tidak seorang pun dapat mengatakan kumpulan kaum tertentu pada asasnya mundur dari segi ekonomi manakala satu kaum lagi maju. Keadaan seperti itulah yang mesti kita usahakan —

secara lancar, berkesan, dengan adil dan penuh dedikasi.

"Perkongsian penuh dalam kemajuan ekonomi" tidak bermaksud perkongsian penuh dalam kemiskinan. Ia mestilah bermaksud imbangan adil dari segi penyertaan dan sumbangan semua kaum — termasuk Bumiputera Sabah dan Sarawak — dalam sektor ekonomi kita yang cepat membangun dan moden. Ia mestilah bermaksud agihan yang adil dari segi kawalan, pengurusan dan hak milik ekonomi moden.

Untuk mencapai matlamat keadilan ekonomi dalam masyarakat, kita mesti meningkatkan program kita untuk pembangunan sumber manusia dengan pesatnya. Memang ada keperluan untuk menjamin kewujudan masyarakat bumiputera yang mampu bersaing serta anjal dalam kegiatan ekonomi supaya setaraf dengan masyarakat bukan Bumiputera. Memang ada keperluan untuk revolusi mental dan perubahan budaya. Semua tugas untuk memajukan diri perlu kita lakukan sendiri. Dalam usaha memperbetul ketidakseimbangan ekonomi, perlu wujud penekanan penuh untuk mencapai kemajuan dengan segera serta hasil yang produktif — pada kos paling rendah dari segi ekonomi dan masyarakat.

Untuk mewujudkan masyarakat makmur, kita boleh menetapkan beberapa banyak matlamat yang berasaskan aspirasi. Saya yakin bahawa kita harus menetapkan matlamat yang munasabah (sebagai lawan kepada matlamat beraspirasi) untuk menggandakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar kita setiap 10 tahun antara 1990 dan 2020. Jika kita lakukan ini, KDNK kita akan menjadi lapan kali lebih besar menjelang tahun 2020 berbanding 1990. KDNK kita pada 1990 ialah $115 bilion. KDNK kita pada 2020 patut menjadi kira-kira $920 bilion dalam nilai sebenar (ringgit pada 1990).

Pertumbuhan pesat ini memerlukan pertumbuhan pada kadar purata kira-kira tujuh peratus (dalam nilai sebenar) setahun untuk 30 tahun akan datang. Diakui bahawa ini anggaran yang optimis tetapi kita patut menetapkan matlamat yang tinggi jika kita mahu menggalakkan diri kita untuk gigih berusaha.

Kita mesti waspada akan 'keasyikan pertumbuhan', iaitu bahaya mengejar angka pertumbuhan yang ditetapkan tanpa menghirau menjamin kestabilan, mengawal kadar inflasi supaya sentiasa rendah, menjamin kadar pengekalan, membangunkan mutu hidup kita dan taraf hidup, dan pencapaian matlamat sosial lain. Ini akan menjadi usaha yang sukar dengan pelbagai kejayaan dan kegagalan. Tetapi saya yakin ini dapat dilakukan.

Pada 1960-an, pertumbuhan kita adalah pada kadar purata 5.1 peratus setahun; pada 1970-an, dekad pertama DEB, pertumbuhan Malaysia adalah pada kadar purata 7.8 peratus; pada 1980-an kerana tahun-tahun kemelesetan, pertumbuhan kita ialah pada kadar purata 5.9 peratus setahun.

---

**Untuk mencapai matlamat keadilan ekonomi dalam masyarakat, kita mesti meningkatkan program kita secara bersungguh-sungguh untuk pembangunan sumber manusia**

---

Jika kita mengambil 30 tahun lalu, KDNK kita meningkat setiap tahun dalam nilai sebenar pada kadar purata 6.3 peratus setahun. Jika kita mengambil 20 tahun lalu, pertumbuhan kita adalah pada kadar purata 6.9 peratus setahun. Yang diperlukan ialah tambahan pertumbuhan sebanyak 0.1 peratus. Sudah pasti jika kita berusaha sepenuhnya, Insya-Allah 0.1 peratus ini dapat dicapai.

Jika kita berjaya, dan diandaikan kadar pertumbuhan penduduk tahunan ialah 2.5 peratus, menjelang tahun 2020, rakyat Malaysia akan kaya empat kali ganda (dalam nilai sebenar) berbanding 1990. Itulah ukuran masyarakat makmur yang kita inginkan dan harap dapat mencapainya.

Perkara kedua dalam matlamat ekonomi kita ialah usaha menjamin kewujudan ekonomi yang bersaing. Ekonomi sedemikian patut dapat bertahan bagi tempoh yang lebih lama, bersifat dinamik, giat dan kental. Ia mesti membawa maksud, antara lainnya:

- Ekonomi yang pelbagai dan seimbang dengan sektor perindustrian yang matang dan luas asasnya sektor pertanian yang matang dan maju dan sektor perkhidmatan yang berkesan, produktif serta matang;
- Ekonomi yang cepat bertindak, pantas menyesuaikan diri terhadap perubahan pola penawaran, permintaan dan persaingan;
- Ekonomi yang mempunyai teknologi yang cekap, mampu sepenuhnya disesuaikan, diubah suai dan dicipta ekonomi yang semakin berpusat pada teknologi, bergerak ke arah aras teknologi yang semakin tinggi;
- Ekonomi yang mempunyai hubungan perindustrian yang kukuh dan saling berkaitan dengan keseluruhan sistem;
- Ekonomi yang digerakkan oleh kuasa pemikiran, kemahiran dan ketekunan dalam menguasai kekayaan maklumat, dengan pengetahuan mengenai apa yang perlu dilakukan dan bagaimana melakukannya;
- Ekonomi yang mempunyai daya pengeluaran tinggi dan terus meningkat dalam hubungannya dengan semua faktor pengeluaran;
- Ekonomi keusahawanan yang berdikari, berpandangan luas, bersifat cergas dan berdaya usaha;
- Ekonomi yang dikekalkan dengan etika kerja contoh, kesedaran terhadap mutu dan usaha ke arah kecemerlangan;
- Ekonomi yang ditentukan sifatnya dengan kadar inflasi dan kos sara hidup yang rendah; dan
- Ekonomi yang dikuasai oleh disiplin dan kawalan ketat kuasa pasaran.

Ramai antara kita dalam Majlis ini tidak akan berada di sana pada pagi 1 Januari 2020. Tidak ramai, rasa saya. Beban tugas yang besar yang perlu dilaksanakan untuk memastikan negara maju sepenuhnya yang dipanggil Malaysia satu generasi dari sekarang, sudah pasti akan dilakukan oleh pemimpin yang mengganti kita, oleh anak dan cucu kita. Tetapi kita

**Kita sebenarnya sudah mendahului negara lain di dunia termasuk negara maju dalam memberi kepercayaan kepada sektor swasta**

mesti pastikan bahawa kita sudah menjalankan tugas kita untuk memimpin mereka berkaitan dengan apa yang kita mahukan. Dan marilah kita letakkan batu asas untuk mereka meneruskan pembinaannya.

**Beberapa Dasar Utama Ekonomi Sektor Awam Untuk Jangkaan Masa Depan**

Sejak awal 1980-an, kita menekankan bahawa negara ini akan bergantung pada sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi. Kita sebenarnya sudah mendahului negara lain di dunia, termasuk negara maju dalam memberi kepercayaan kepada sektor swasta.

Dalam tahun-tahun yang awal, sektor swasta kita yang masih muda tidak dapat memberi sambutan terhadap cabaran yang diberi. Kemudian datang kemelesetan yang tidak diduga serta menyulitkan dan tahun-tahun kelembapan. Bagaimanapun, sejak tiga tahun lalu, sektor swasta kita sudah berkembang dan mula bertindak balas. Dasar ini mula membuahkan hasil. Hasilnya: pada 1988, pertumbuhan kita dalam nilai sebenar ialah 8.9 peratus; pada 1989, 8.8 peratus; pada 1990, 9.4 peratus tanpa pertambahan belanjawan Kerajaan. "Ekonomi Harimau Timur Laut Asia" pun tidak dapat berbuat demikian.

Tidak ada negara yang boleh menolak formula yang berjaya. Dan negara ini tidak akan menolaknya. Untuk jangkaan masa depan, Malaysia akan terus menggalakkan sektor swasta, terus bergantung padanya sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi.

Pada masa yang sama, kerajaan akan terus mengurangkan tahap pembabitannya dalam bidang pengeluaran ekonomi dan perdagangan. Negara sudah tentu tidak boleh berundur sepenuhnya daripada kehidupan ekonomi Malaysia. Kerajaan tidak boleh melucutkan tanggungjawabnya untuk mengawal dan memperuntukkan rangka kerja undang-undang dan peraturan untuk pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat.

Kerajaan akan bersikap proaktif untuk memastikan pengurusan fiskal dan kewangan yang sihat serta perjalanan yang lancar ekonomi Malaysia. Kerajaan akan meningkatkan pembangunan infrastruktur fizikal yang diperlukan dan mewujudkan suasana perdagangan yang baik — selaras dengan keutamaan sosialnya yang lain. Dan apabila perlu, kerajaan tidak semestinya akan terikat sepenuhnya dengan iltizamnya untuk menarik diri daripada peranan ekonomi, iaitu kerajaan tidak akan campur tangan. Kerajaan akan memainkan peranan dengan teratur, bijaksana dan secara giat.

Proses mengurangkan peraturan akan diteruskan. Tidak dinafikan lagi bahawa peraturan merupakan perkara penting untuk mengawal masyarakat, dan ekonomi merupakan sebahagian daripada masyarakat. Negara tanpa undang-undang dan peraturan adalah negara yang bermain dengan anarki. Tanpa peraturan akan sedikitlah urusan dan tiada langsung pembangunan. Yang tidak diperlukan ialah peraturan berlebihan walaupun tidak mudah untuk menentukan bilakah kerajaan sedang menguatkuasakan peraturan berlebihan.

Kebijaksanaan pada kebolehan membezakan antara undang-undang dan peraturan yang membawa hasil kepada matlamat kita dan yang bukan sedemikian; dan ini terletak pada kemampuan membuat keputusan yang tepat berhubung dengan untung rugi ini. Oleh itu, kerajaan tidak banyak bersikap bodoh atau tidak bertanggungjawab, dan akan memenuhi kehendak masyarakat banyak di samping memenuhi keperluan untuk pertumbuhan pesat dan ekonomi yang bersaing, giat dan kental. Kerajaan akan berpandukan pengetahuan bahawa membebaskan perdagangan juga — bukan sahaja undang-undang dan peraturan, dan campur tangan negara — dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat sosial yang lebih luas. Berdasarkan ini dan fakta bahawa memang ada ruang peraturan yang tidak menghasilkan apa-apa dimansuhkan, anda bolehlah mengharapkan proses mengurangkan peraturan akan diteruskan. Langkah Bank Negara baru-baru ini meminda peraturan rejim Kadar Pinjaman Asas (BLR) merupakan contoh kesedaran ini.

Penswastaan akan terus menjadi asas penting dalam pembangunan negara dan strategi kecekapan kebangsaan. Dasar ini tidak diasaskan pada kepercayaan ideologi. Dasar ini ditujukan khusus untuk menggalakkan persaingan, kelancaran dan daya pengeluaran dalam ekonomi, bagi mengurangkan beban pentadbiran dan kewangan kerajaan dan untuk mencapai matlamat pengagihan hasil negara.

Dalam melaksanakan dasar penswastaan kita, kerajaan memang sedar akan keperluan untuk melindungi kepentingan rakyat, untuk memastikan golongan miskin mendapat hak untuk perkhidmatan asas, untuk menjamin mutu perkhidmatan disediakan dengan kos paling minimum, untuk mengelakkan amalan monopoli tidak produktif dan memastikan kebajikan pekerja.

Memang akan ada masalah. Tidak ada usaha yang diperoleh tanpa

**Di mana perlu kerajaan tidak semestinya akan terikat sepenuhnya dengan komitmennya untuk menarik diri daripada fungsi ekonomi, iaitu ia tidak akan campur tangan**

pengorbanan. Tetapi jelaslah bahawa dasar ini setakat ini membuahkan hasil positif dan kita bolehlah menjangka pelaksanaannya akan dipertingkatkan pada masa hadapan. Dengan siapnya Kajian Pelan Induk Penswastaan, saya yakin banyak masalah yang mengganggu kemajuan penswastaan akan diatasi, seterusnya meningkatkan lagi pelaksanaan yang lancar.

Pada tahun-tahun akan datang akan wujud satu Galakan Perindustrian Berterusan, galakan yang tidak berdasarkan keghairahan terhadap perindustrian tetapi berdasarkan kebenaran bahawa jika kita mahu pesat membangun — dalam keadaan ekonomi maju akan meninggalkan peringkat perindustrian untuk memasuki peringkat pasca perindustrian — inilah cara untuk terus bergerak. Jika kita mahu mewujudkan perindustrian dengan cepat, kita perlu menggunakan sepenuhnya tenaga negara dan secara bersungguh-sungguh mengatasi segala kelemahan.

> **Penswastaan akan terus menjadi asas penting dalam pembangunan negara dan strategi kelancaran kebangsaan**

Untuk mencapai dasar ini, kerajaan perlu menangani masalah asas sektor pembuatan yang kecil. Pada 1988, 63 peratus daripada keseluruhan eksport barang buatan Malaysia datangnya daripada industri elektrik, elektronik dan tekstil. Elektronik sahaja menyumbang 50 peratus daripada keseluruhan eksport barang buatan. Kita mesti mempelbagaikan sektor pembuatan.

Walaupun pembangunan paling pesat berlaku dalam zon perdagangan bebas, namun permintaan untuk barang perantaraan tempatan hanya kecil. Kita perlu menangani masalah hubungan perindustrian yang lemah.

Pembangunan teknologi *tempatan* pula tidak mencukupi. Terlalu sedikit tambahan nilai, terlalu mudah penyusunan dan pengeluarannya. Kita juga perlu mengatasi kos pengeluaran yang semakin meningkat dengan meningkatkannya kos buruh, kos bahan mentah dan perbelanjaan awal (overhead) dengan cara meningkatkan kelancaran dan daya pengeluaran. Memang ada kekurangan serius dari segi tenaga manusia. Semua ini dan banyak lagi isu perlu diberi perhatian.

Industri kecil dan sederhana mempunyai fungsi penting untuk mewujudkan peluang pekerjaan, untuk mengukuhkan hubungan perindustrian, dalam menembusi pasaran dan menghasilkan pendapatan eksport. Sektor ini mempunyai peranan utama sebagai tempat bermula untuk melahirkan usahawan masa depan.

Kerajaan akan merangkakan skim bantuan yang wajar dan akan berusaha meningkatkan taraf kepakaran pengurusan, pengetahuan teknologi dan kemahiran pekerja dalam sektor ekonomi yang sangat penting dan sering diabaikan.

Industri kecil dan sederhana ini akan menjadi asas utama untuk penekanan perindustrian kita pada masa depan. Kerajaan memang bersungguh-sungguh untuk memajukannya sepenuhnya.

> **Jika mahu mewujudkan perindustrian pesat, kita perlu menggunakan sepenuhnya tenaga negara dan secara bersungguh-sungguh mengatasi segala kelemahan**

Begitu kita mesti mempelbagaikan barangan eksport, kita juga mesti mempelbagaikan pasaran eksport kita. Pengeksport Malaysia mesti melihat kepada pasaran bukan tradisi. Ini memerlukan pengetahuan baru, saluran baru, hubungan baru dan pendekatan baru untuk menangani undang-undang dan peraturan yang belum biasa ditemui. Ini tentunya tidak menyenangkan tetapi kita silap jika kita menganggap bahawa ini tidak menguntungkan berbanding kesulitannya dalam menangani pasaran berkenaan. Secara persendirian pasaran ini mungkin kecil tetapi secara keseluruhan pasaran Asia, Afrika dan Amerika Selatan yang sedang membangun itu adalah besar. Jika negara maju menganggap bahawa ini menguntungkan untuk mengeksport ke pasaran ini, sudah tentu ini juga akan menguntungkan kita. Kerajaan akan membantu tetapi sektor swasta harus melaksanakan peranan mereka. Pergantungan pada pertumbuhan yang berasaskan eksport masih menjadi cara terbaik untuk pertumbuhan pesat.

Penyertaan dalam pasaran dunia meletakkan syarikat kita berdepan dengan semua saingan dan meletakkan syarikat kita di bawah kuasa persaingan antarabangsa. Ini cabaran yang kita mesti terima bukan sahaja kerana pasaran tempatan terlalu kecil tetapi kerana dalam jangka panjang ia akan menguntungkan pasaran tempatan dan mengurangkan pergantungan kita pada eksport.

Kita mesti terus kekal dengan pertumbuhan yang berasaskan eksport walaupun mengalami kelembapan sejagat, walaupun berlaku peningkatan dasar perlindungan, blok perdagangan dan perdagangan terurus. Apabila perjalanan semakin mencabar, kita tidak boleh berpatah balik. Kita tidak ada pilihan lain kecuali terus berani, lebih berkesanggupan, produktif dan lebih bersaing, lebih mampu untuk menghadapi pelbagai cabaran.

Peliberalan ekonomi Malaysia sudah menunjukkan hasil menguntungkan dan menyumbang ke arah pertumbuhan yang lebih dinamik.

Sudah pasti peliberalan perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan secara berperingkat untuk memastikan tidak berlaku ketidakpastian ekonomi dan kewujudan kos pelarasan struktur berlebihan. Kita patut menimbang sepenuhnya kemampuan Malaysia untuk melaksanakan peliberalan ini. Kita tidak patut menolak hujah industri setahun jagung tetapi kita juga tidak boleh tunduk kepada tekanan yang tidak berasas.

Pada masa yang sama, peliberalan yang membawa hasil akan memastikan sektor swasta kita kurang bergantung pada keuntungan tidak bernilai dan perlindungan, yang hanya menguntungkan sesetengah pengeluar yang memperolehnya tetapi menjadi tekanan terhadap pada pengguna dan pengeluar lain. Bayi pun mesti membesar. Mereka mesti membesar untuk menjadi sihat dan kuat. Dan ini tidak boleh dilakukan jika mereka terlalu dilindungi.

Kerajaan akan meneruskan usaha menarik pelaburan asing. Ini perlu bagi Galakan Perindustrian Berterusan. Sekali lagi, kita tidak akan menolak strategi yang berjaya. Tetapi kita akan mengubah sualkannya untuk memastikan semua langkah tersusun kemas agar Malaysia dapat memanfaatkan sepenuhnya faedah daripada kemasukan pelaburan asing.

Pada masa dahulu, sektor swasta tempatan pada umumnya telah gagal mencapai matlamat yang telah ditetapkan dalam Rancangan-Rancangan Malaysia. Nampaknya pelabur-pelabur tempatan merasai bahawa kerajaan tidak memberi usaha secukupnya untuk menggalakkan pelaburan tempatan seperti yang telah diberi kepada pelaburan asing. Ini sebenarnya tidak seratus peratus benar tetapi kita akan mengkaji dan membetulkan keadaan ini apabila mendapat maklum balas yang lebih tepat.

Perusahaan kecil dan sederhana perlu dibantu untuk terus berkembang. Lebihan simpanan dan modal tempatan perlu disalurkan dengan lebih produktif kepada pelaburan. Lebih ramai usahawan perlu dihasilkan. Apabila perlu, bantuan latihan dan teknologi perlu diperluas; dan bantuan infrastruktur diberi.

Penting kita tegaskan sekali lagi bahawa pembangunan yang kita perlukan tidak dapat wujud tanpa sokongan infrastruktur. Kita mesti terus dapat meramalkan permintaan dan keperluan masa depan. Dalam Belanjawan baru-baru ini, kita dengan jelas menyatakan apa yang kita akan lakukannya dalam jangka pendek. Rancangan Malaysia Keenam akan menjelaskan apa yang kita akan lakukan dalam jangka sederhana manakala Garis Kasar Pelan Perspektif Kedua akan menunjukkan arah untuk jangka panjang. Kerajaan memang sedar akan masalah infrastruktur dan keperluan untuk pelaburan besar-besaran dalam tahun-tahun akan datang. Kita tidak akan membiarkan pertumbuhan terencat dengan gangguan pelaburan berlebihan yang pernah berlaku dibeberapa banyak negara.

---

## Liberalisasi ekonomi Malaysia sudah menunjukkan hasil menguntungkan dan menyumbang ke arah pertumbuhan lebih dinamik

---

Dalam usaha kita untuk maju, tidak ada yang lebih penting daripada pembangunan sumber manusia.

Daripada pengalaman dua dekad lalu berhubung keajaiban ekonomi di negara yang miskin dari segi 'sumber semula jadi', adalah jelas sumber utama mana-mana negara ialah bakat, kemahiran, kepakaran, kekreatifan dan semangat rakyat. Apa yang kita ada dalam kepala kita, pada tulang empat kerat dan dalam hati kita adalah lebih penting daripada apa yang kita ada di bawah tapak kaki dan sekeliling kita. Rakyat kita merupakan sumber paling utama. Tanpa ragu-ragu lagi, pada 1990-an dan selepas itu, Malaysia mesti memberi penekanan sepenuh mungkin kepada pembangunan sumber utama ini.

Malaysia mempunyai satu sistem pendidikan yang terbaik di Dunia Ketiga. Tetapi untuk perjalanan yang kita perlu sediakan untuk generasi kedua, tahap dan piawaian baru perlu ditetapkan dan hasil baru perlu dicapai.

Kita tidak boleh tidak perlu berhasrat untuk mencapai taraf paling tinggi dari segi kemahiran rakyat kita, dalam hal tumpuan mereka kepada pengetahuan dan peningkatan ilmu serta usaha membaiki diri, dalam hal kecekapan berbahasa, dari segi sikap kerja dan disiplin, dari segi kebolehan pengurusan, motivasi pencapaian, sikap terhadap kecemerlangan dan dari segi mewujudkan semangat keusahawan.

Kita tidak patut mengabaikan peripentingnya semangat keusahawanan dan pembangunan keusahawanan yang sebenarnya menjangkau lebih daripada latihan dan pendidikan. Kita mesti memastikan adunan yang betul berhubung dengan golongan profesional, separuh profesional, artisan, dan pekerja mahir dan imbangan yang betul antara mereka dalam bidang sains dan teknologi, sastera dan sains sosial.

Dalam pembangunan sumber manusia kita tidak boleh mengabaikan separuh daripada penduduk negara, iaitu kaum Bumiputera. Jika mereka tidak dibawa ke dalam arus pembangunan masyarakat, jika kebolehan mereka tidak dikembangkan sepenuhnya, jika mereka dibiarkan menjadi beban kepada negara, maka tentulah kemajuan kita akan tergendala. Tidak ada negara yang dapat mencapai kemajuan penuh dengan hanya separuh sumber tenaganya digemblengkan. Apa yang sekarang dianggap sebagai beban, dengan sikap dan pengurusan yang betul, dapat menjadi tenaga yang akan meringankan beban kita dan mempercepatkan kemajuan kita. Bumiputera mesti memainkan peranan mereka sepenuhnya untuk mencapai matlamat negara.

Inflasi merupakan duri dalam daging kepada semua perancang ekonomi. Untungnya, selain waktu kenaikan harga minyak pertama apabila inflasi meningkat sehingga 17 peratus,

Malaysia masih bernasib baik dapat mengekalkan kadar inflasi yang rendah. Kita mesti terus mengekalkan kdar yang rendah ini. Kerajaan, sektor perdagangan dan rakyat perlu bersungguh-sungguh untuk mengekalkan kadar inflasi yang rendah. Satu-satunya cara terbaik untuk memerangi inflasi ialah kita hidup mengikut kemampuan. Jika kita tidak mampu, jangan beli. Di Malaysia, ini dapat dilakukan kerana kita dapat menghasilkan hampir semua yang kita perlu dari segi makanan, tempat tinggal dan pakaian. Apabila kita mengalami kemelesetan baru-baru ini, kehidupan masih seperti biasa kerana kita masih mampu membeli barang keperluan pada harga yang lebih kurang sama iaitu kita tidak mengalami inflasi. Sekarang kita mempunyai lebih banyak wang, permintaan secara perlahan-lahan menaikkan harga. Oleh itu, walaupun kita mungkin lebih senang sekarang, walaupun kita lebih mewah dengan wang, tetapi dari segi kuasa membeli, kita sebenarnya belumlah senang.

Orang awam mesti memahami apa yang menyebabkan inflasi dan cukup berdisiplin untuk memeranginya. Di sesetengah negara, apabila kadar inflasi meningkat sehingga beribu-ribu peratus setahun, kerajaan sentiasa bertukar-tukar tanpa dapat membendung inflasi. Sebabnya rakyat tidak berdisiplin dan tidak bersedia untuk mengawal diri. Tidak ada kerajaan yang dapat mengekang inflasi kecuali rakyat bersedia menghadapi kesukaran itu.

**Dalam meningkatkan sektor industri pembuatan kita, Malaysia mesti memastikan sektor pertanian dan perkhidmatan tidak akan diabaikan**

Dalam usaha menentang inflasi, tidak ada yang lebih berkesan daripada pendidikan dan sikap disiplin rakyat.

Dalam dunia perdagangan yang saling bergantung, kadar tukaran mata wang memainkan peranan penting. Kadar mata wang yang terlalu rendah akan meningkatkan kos import dan bayaran hutang tetapi ia akan menyebabkan persaingan eksport. Tetapi keuntungan sepenuhnya kadar tukaran rendah bagi eksport boleh tertolak oleh kos bahan import yang digunakan dalam barangan eksport. Nilai mata wang tinggi akân 'mengayakan' rakyat kita, khususnya dari segi pembelian barangan import yang mewah tetapi eksport kita tidak akan bersaing dan ekonomi akhirnya akan terjejas.

Ternyata pengurusan kadar tukaran adalah penting untuk kemajuan negara. Ia hanya mempunyai kemampuan terhad untuk digunakan sepenuhnya. Dalam analisis terakhir, cara kita mengimbangkan perdagangan kita akan menentukan bagaimana mata wang kita dinilai. Malaysia mesti belajar menjadi lebih bersaing melalui daya pengeluaran lebih tinggi daripada sekadar melalui manipulasi kadar tukaran. Sekali lagi rakyat mesti faham akan peranan mereka, khususnya yang berkaitan dengan daya pengeluaran.

Dalam dunia teknologi tinggi, Malaysia tidak boleh ketinggalan. Kita tidak dapat berada di barisan depan teknologi moden tetapi kita mesti sentiasa cuba berada di depan terutamanya dalam bidang yang kita mempunyai kelebihan tertentu. Kita sudah menerima Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Pembangunan Teknologi. Ini bahagian yang mudah. Sekarang kita mesti meneruskan dengan segera usaha yang lebih sukar, iaitu pelaksanaannya.

Kerajaan sudah tentu akan meletakkan iltizam dan memberi kepemimpinan yang perlunya ke arah usaha negara ini. Infrastruktur institusi dan sokongan akan disediakan untuk memastikan pembangunan pesat dan realistik kemampuan teknologi kita yang berasaskan pasaran ditumpukan sepenuhnya. Tetapi kita jangan lupa bahawa teknologi bukan untuk makmal tetapi untuk kilang dan pasaran. Sektor swasta dan rakyat kita mesti bertindakbalas. Selalunya hasil penyelidikan tidak dihiraukan kerana orang lebih berminat akan bahan yang teruji. Sering dikatakan bahawa rahsia kejayaan Jepun ialah kemahiran memanfaatkan hasil penyelidikan untuk barangan yang boleh dipasarkan. Jika kita tidak melakukan ini kita akan ketinggalan tidak kira tahap teknologi kita.

Dalam meningkatkan sektor industri pembuatan kita, Malaysia mesti memastikan sektor pertanian dan perkhidmatan tidak akan diabaikan. Kita mesti maju. Kita mesti berusaha ke arah kecekapan, pemodenan dan persaingan. Ini patut menjadi prinsip panduan asas kepada dasar kebangsaan kita terhadap pembangunan pertanian, pelancongan dan kemajuan sepenuhnya sektor perkhidmatan.

Kita juga tidak boleh mengabaikan sektor luar bandar dalam ekonomi dan masyarakat kita. Dalam tahun-tahun akan datang, kita mesti berusaha ke arah perubahan pembangunan luar bandar kedua, menyusun semula kampung supaya lebih sesuai dengan pertanian dan industri moden. Petani seharusnya semakin berkurangan tetapi dapat menghasilkan lebih banyak makanan, dan ini akan menyediakan tenaga kerja yang lebih untuk masyarakat perindustrian.

Dalam melakukan semua ini, kita juga mesti memastikan sumber semula jadi kita yang bernilai tidak dibazirkan. Bumi kita mesti kekal sebagai sumber hasil dan subur, persekitaran jernih dan bersih, air tidak cemar, sumber hutan dapat ditanam semula, mampu menghasilkan keperluan untuk pembangunan negara. Keindahan bumi kita tidak patut dinodai — sama ada untuk kepentingannya atau untuk kemajuan ekonomi kita.

Dalam zaman maklumat yang kita hadapi sekarang, masyarakat Malaysia mesti kaya dengan maklumat. Bukan secara kebetulan hari ini tidak ada negara kaya dan maju yang miskin maklumat dan tidak ada negara yang kaya maklumat yang tidak membangun dan mundur.

Pada suatu masa dulu tanah memang menjadi asas kemakmuran dan kekayaan. Kemudian datang

gelombang kedua, zaman perindustrian. Cerobong asap tegak di tempat yang dahulunya ladang. Sekarang, pengetahuan semakin menjadi asas bukan sahaja kuasa tetapi juga kemakmuran. Sekali lagi kita mesti terus mara. Sekarang ini rakyat Malaysia adalah antara yang paling ramai menggunakan komputer di rantau ini. Pengetahuan komputer merupakan satu kemestian jika kita mahu maju dan membangun. Setiap usaha mesti dilaksanakan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang kaya maklumat.

Dalam hubungan antarabangsa, penekanan terhadap politik dan ideologi patut dikurangkan, sebaliknya penekanan patut dilebihkan pada keperluan ekonomi. Walaupun kita kecil, kita mesti berusaha untuk mempengaruhi aliran perdagangan antarabangsa. Untuk berkembang kita mesti mengeksport. Pasaran tempatan kita terlalu kecil. Bagi kita amatlah penting perdagangan bebas dikekalkan. Arah aliran ke arah pembentukan blok perdagangan akan menjejaskan kemajuan kita dan kita mesti menentangnya. Dengan itu, kita mesti memainkan peranan" kita sepenuhnya dan tidak menerima secara pasif kata dua daripada negara kuat yang lain yang mungkin tidak menyedari bagaimana keputusan mereka memberi kesan kepada kita.

**Dalam hubungan antarabangsa, penekanan terhadap politik dan ideologi patut dikurangkan tetapi patut dilebihkan kepada keperluan ekonomi. Walaupun kita kecil, kita mesti berusaha untuk mempengaruhi aliran perdagangan antarabangsa**

Sesebuah negara tanpa kemampuan ketahanan ekonomi yang kukuh dan kebolehan mempengaruhi serta mewujudkan pakatan dalam arena ekonomi antarabangsa merupakan negara yang lemah dalam pertahanan ekonomi. Malaysia tidak boleh jadi seperti ini.

Ada beberapa banyak dasar yang mesti dibincangkan dan digubal jika kita mahu menjadikan 1990-an sebagai dekad yang paling produktif dalam sejarah kita. Izinkan saya mengakhiri ini dengan mengemukakan satu lagi pandangan: betapa perlunya kita menjadikan Persyarikatan Malaysia sebagai kenyataan yang berjaya.

Izinkan saya tekankan bahawa tidak semua kerjasama antara sektor awam dan swasta bersifat wajar atau produktif. Dalam banyak hal, ia mesti mempunyai pendekatan kawalan dari jauh. Tetapi sudah pasti usahasama yang produktif akan membawa kita ke arah aspirasi yang diharapkan.

Saya sudah menggariskan apa yang saya fikirkan dasar utama ekonomi yang sepatutnya diwujudkan untuk meneruskan usaha kita ke arah kemakmuran dan ekonomi yang bersaing. Izinkan saya tekankan sekarang peranan yang perlu dilaksanakan oleh sektor swasta.

Negara ini tidak boleh bergantung pada sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan jika sektor swasta tidak cekap dan lemah, tuan-tuan mesti kuat dan dinamik, giat dan berdikari, cekap dan jujur.

Malaysia tidak boleh mengurangkan undang-undang dan peraturan jika *ahli bank* tidak berlagak sebagai *ahli bank*, jika kebebasan yang diberi pada usahawan hanya menjadi lesen untuk mengeksploitasi tanpa sebarang perasaan tanggungjawab sosial. Syarikat kita mesti mempunyai rasa tanggungjawab korporat yang tinggi. Perjuangan kita untuk menjamin keadilan sosial — untuk meningkatkan kedudukan dan daya saing kaum Bumiputera dan untuk mencapai matlamat sosial lain — mesti menjadi perjuangan anda juga.

Penswastaan tidak boleh diteruskan jika matlamatnya dipatahkan oleh mereka yang mahukan keuntungan peribadi tanpa tanggungjawab sosial. Galakan Perindustrian Berterusan dan usaha membangunkan dengan pesat industri kecil dan sederhana kita mesti diterajui oleh usahawan kita. Mereka mesti bersedia untuk berfikir untuk jangka panjang, mencebur diri ke dalam pasaran dunia yang penuh persaingan. Usaha menarik pelaburan asing tidak sepatutnya menjadi tanggungjawab kerajaan sahaja. Sektor swasta mesti membabitkan diri dengan pelabur asing dalam usahasama yang menguntungkan kerana ini akan membantunya dalam pembabitan ekonomi Malaysia. Dan tanggungjawab pelabur tempatan semestinya lebih berat daripada rakan asing mereka kerana Malaysia negara kita, bukan negara mereka. Kita boleh bertanya diri sendiri untuk berkorban kepada negara tetapi kita tidak boleh mengharapkan mereka melakukannya untuk kita.

Dalam pembangunan sumber manusia kita, sektor swasta kita mempunyai peranan penting yang perlu dimainkan. Latihlah sumber tenaga tuan-tuan sendiri. Lengkapkanlah kepakaran mereka. Jagalah kebajikan mereka. Pertingkatkan kemahiran mereka. Uruskanlah mereka sebaik-baiknya. Dan berikan penghargaan yang sewajarnya untuk menghargai sumbangan mereka.

Yang pasti masih banyak yang perlu dilakukan oleh semua orang. Sayangnya, tidak ada satu formula ringkas yang mudah untuk membangunkan negara. Banyak perkara mesti dilakukan oleh ramai orang. Dan ini perlu dilakukan dengan sebaik-baik dan setepat-tepat mungkin. Kita mesti bersedia untuk bersikap lebih kritikal terhadap diri sendiri dan sanggup membetulkan kesilapan. Tetapi Insya-Allah, kita akan berjaya.

Ini agenda kita dalam Majlis ini dan dalam negara kita. Saya berharap tuan-tuan akan membincangkan agenda ini dan mengkritik atau membaikinya. Sama ada kita mencapai kesempurnaan atau keputusan sebulat suara dalam agenda ini tidak terlalu penting. Tidak ada formula yang sempurna. Tetapi yang tidak baik dan tidak produktif ialah agenda sempurna yang tidak dilaksanakan. ●

## Prof. Diraja Ungku Aziz Huraikan Pendapatnya

# Berjayakah Wawasan 2020?

**Temuramah Khas oleh Noritah Sulaiman**
**Foto Shaari Amin**



Prof. Diraja Ungku Aziz.

APAKAH cita-cita atau impian Perdana Menteri yang dicetuskan melalui kertas kerjanya Malaysia: Melangkah Ke Hadapan wajar?

Persoalan ini hangat diperkatakan. Bolehkah Malaysia menjadi sebuah negara – bangsa Malaysia yang benar-benar moden dan maju, sebuah masyarakat industri yang adil, bermaruah dan rasional.

Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad turut meramalkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) akan berjumlah kira-kira lapan kali ganda menjelang tahun 2020 berbanding dengan tahun 1990. KDNK negara pada tahun 1990 adalah 115 bilion ringgit dan pada tahun 2020 akan berjumlah kira-kira 920 bilion ringgit dalam perkiraan (ringgit 1990) yang sebenar. Pertumbuhan yang pesat ini memerlukan ekonomi berkembang menurut kadar purata kira-kira 7 peratus setahun dalam masa 30 tahun akan datang. Adakah ini rasional?

Apabila persoalan yang sama dikemukakan kepada Profesor Diraja Ungku Aziz, beliau begitu optimis Wawasan 2020 akan mencapai matlamatnya berdasarkan faktor-faktor yang sedia ada dalam negara.

Bagaimanapun, katanya, tidak boleh dinafikan masih terdapat gejala-gejala tidak sihat yang perlu dikikis kerana ia boleh menjadi pengancam terhadap matlamat 2020.

Menurut Prof. Ungku Aziz, yang penting bagi pertumbuhan ekonomi di Malaysia ialah pelaburan yang tinggi kadarnya dari luar dan dalam dan juga eksport sebab kuasa pengguna dalam negara terhad.

Di samping itu, tambahnya, negara mesti meneruskan dasar ekonomi terbuka.

Katanya, antara sebab kadar pertumbuhan yang baik di Malaysia adalah kerana jumlah penduduk negara ini tidak terlalu besar berbanding dengan negara-negara seperti Indonesia atau Bangladesh.

Rakyat negara ini, katanya, bernasib baik sebab Malaysia walaupun mempunyai saiz yang tidak terlalu besar tetapi pelaburannya besar, begitu juga dengan pengeluaran atau produktiviti dalam industri.

"Saya berpendapat matlamat Wawasan 2020 harus boleh dicapai, malahan, mungkin lebih daripada itu. Dari segi global atau umum, ia memang tercapai, ujarnya.

Bagaimanapun, jelas beliau, keadaan ekonomi negara tidak boleh disamakan seperti keadaan orang perseorangan, hari ini melabur $3,000 dalam saham, tahun depan mungkin pelaburannya meningkat kepada $30,000 dan dia sudah merasa seronok.

"Dalam negara yang penting, bukannya mengira dari satu masa ke satu masa, sebaliknya kita mahu tahu kadar pertumbuhan sentiasa berkembang. Jika ekonomi tidak berkembang, bermakna ia akan mula menguncup. Tidak ada keadaan di mana ekonomi tidak bergerak.

Menurut Prof. Ungku Aziz, Malaysia sekarang mengalami pertumbuhan ekonomi.

Bagaimanapun, katanya, "Kita boleh meramalkan kemungkinan dalam masa 30 tahun akan datang, lima, enam atau tujuh tahun sekali tentu terdapat keadaan di mana ekonomi negara lemah sedikit."

Bagaimanapun, tambahnya, ia boleh naik semula dengan cepat sebab keadaan negara yang stabil.

Di samping itu, negara mengeksport barangan dikehendaki orang seperti barangan elektronik, tekstil dan sebagainya.

Perbandingan agak nyata yang beliau berikan adalah pengalamannya secara langsung bertugas dalam satu pasukan, mengkaji keadaan University of Southern Pacific di Fiji.

"Fiji dan negara-negara di selatan Pasifik di mana tidak ada pertumbuhan dalam ekonomi. Rakyatnya tidak miskin dan tidak kaya. Bagaimanapun berbanding dengan Malaysia, kemudahan pendidikan sukar didapati di Fiji. Satu universiti untuk satu kawasan 66,000 kilometer persegi. Saya kira jarak jauhnya sama dengan jarak Kuala Lumpur hingga ke Karachi. Di Malaysia sekiranya satu-satu kawasan itu mempunyai ramai pelajar, sekolah rendah akan dibuka. Tetapi di negara-negara di selatan Pasifik, yang dirangkumi oleh pulau-pulau sukar untuk mencari sekolah, nasib baik jika pulau itu ada kota besar, terdapat sekolah.

"Begitu juga dari segi perusahaan, hendak mencari orang membaiki paip pun susah, begitu juga dari segi perhubungan.

"Saya kira untuk negara-negara di selatan Pasifik sampai ke tahap Malaysia sekarang, 100 tahun lagi pun belum tentu boleh jika keadaan yang ada berterusan.

"Itu jika kita membuat perbandingan dengan sebuah negara yang stabil tetapi tidak mempunyai banyak peluang belajar."

Prof. Ungku Aziz menekankan, peluang belajar amat penting jika sesebuah negara ingin maju, satu bangsa mesti ada peluang untuk belajar. Itu penting.

Orang Melayu hari ini, ujarnya, menikmati peluang bekerja dalam berbagai bidang sebab kerajaan pada tahun 70-an telah mengadakan Institut Teknologi Mara (ITM) dan membuka banyak universiti. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah memberi keutamaan pada anak Melayu. Kerajaan juga menghantar berpuluh ribu pelajar ke luar negara.

Ini, sambung beliau, telah mengubah masyarakat kita dan membolehkan lagi tercapainya matlamat 2020.

Menyentuh tentang sikap orang Melayu, khususnya kaum wanita, Prof. Ungku Aziz menjelaskan, di Malaysia bila

# THE CHINESE COMMUNITY TOWARDS & BEYOND 1990 IN MULTI-RACIAL MALAYSIA

A POLITICAL SEMINAR

ORGANISED BY

MALAYSIAN CHINESE ASSOCIATION HEADQUARTERS

SUNDAY, 28TH JUNE 1987

THE CHINESE POLITICAL DILEMMA

by Mr. Michael Yeoh Oon Kheng

## (1) PREAMBLE

At the last General Elections in August 1986, the urban Chinese delivered a strong protest vote to the Barisan Nasional in general and MCA, in particular. Many then felt that the Chinese political position was deteriorating and had hoped that a stronger opposition could reverse the trend. There was genuine frustration, feelings of anger and disappointment among many Malaysian Chinese before the last General Elections. That prevalent mood helped the DAP to win 24 seats, a gain of 15 from its previous 9 won in 1982.

Today, almost one year since the last elections, the DAP despite having more seats in Parliament, remain a mere paper tiger, with perhaps a louder roar but still no bite. A key question to ask is whether the Malaysian Chinese were better off or worse off before the Opposition DAP more than doubled its seats in Parliament ? More importantly, if one studies political history, one should also ask whether the non-Malays were better off prior to May 1969 or after May 1969 ? The steady decline in the influence of the Malaysian Chinese in the overall scheme of things began after May 1969, when the MCA won only 13 out of 33 Parliamentary seats contested. The 1986 General Elections saw an almost similar outcome with MCA winning 17 out of 32 Parliamentary seats contested. As a result of this increase in Opposition votes, the MCA's ability to influence the outcome of strategic decisions was further reduced. The MCA's bargaining position after the 1986 General Elections vis-a-vis UMNO was probably worse than in 1969, for in 1969 UMNO, like MCA did not do too well, whereas last year, UMNO achieved a remarkable victory, winning every Parliamentary seat it contested in Peninsular Malaysia, losing only in Labuan. Expectedly, this resulted in UMNO becoming even more dominant and perhaps even arrogant. The Opposition DAP, even with 24 seats, cannot reduce the UMNO dominance. The Chinese began to feel trapped. With the cooperatives crisis, the economic recession and increasing unemployment, the morale of the Chinese community declined. Many were afraid of the future. In fact, the concern for the future of their children has led many Malaysian Chinese to emigrate. There is a perceptible feeling that the Chinese dilemma is deepening.

(2) CAUSES OF THE CHINESE POLITICAL DILEMMA

Chinese history has shown that the Chinese have a tradition of individualism - a history of disunity, factional squabbles and individualistic leadership. This accounts for the numerous different politial parties trying to represent the Chinese - MCA, Gerakan, DAP, SDP and those in Sabah and Sarawak and the many thousands of Chinese Guilds and Associations, each competing for the same support within the same community. These divisive forces make the Chinese dilemma more pronounced and serious.

The Chinese Dilemma can be defined as the inability of the Chinese community to move in a united, cohesive manner to overcome common problems. It is the inability to translate collective worries and collective frustration into constructive action. It is also the inability of the Chinese to stick to a particular course of action, instead of changing horses mid-stream. This latter observation accounts for the Chinese supporting MCA strongly in one election and then the DAP in the following. This pattern of alternating the community's support between the MCA and DAP in succeeding General Elections only weakens the Chinese community's bargaining position with the Malays, who gave stronger support to UMNO in succeeding General Elections after 1978.

A former MCA leader once noted that "the Chinese spent a lot of time quarelling among ourselves and very little time trying to solve our common problems. The major dilemma facing the Chinese is that we seem to be extremely good at complaining about problems, running round in circles talking about these problems but unable to reach a common consenses on how to deal with these problems collectively".

An extension of the political dilemma facing the Chinese community is the community's response towards Malay domination in Malaysian politics in general and UMNO domination in particular. Whilst the Chinese continued to bicker, UMNO grew stronger as a result of the increasing political sophistication among the Malays, to give strong support to UMNO, instead of hedging its bet. PAS was thus eliminated as a threat to UMNO dominance of the Malay political scene. Even so-called multi-racial parties have been unable to make any impact on the Malay community. The most obvious example of the UMNO hold on Malay politics is the recent statement by Tengku Razaleigh after he lost in the UMNO elections that he would die an UMNO member and a Muslim. With UMNO becoming more religious, their strangle-hold on the rural Malay community is expected to grow stronger. Few Muslims have the tenacity or courage to resist a more-Islamic UMNO for fear of being branded un-Islamic, a serious charge in a Muslim society.

Another dimension of the Chinese political dilemma is the total inability of the Chinese community to choose the Prime Minister of the nation who for a long time to come will be the President of UMNO. Two months ago when UMNO held its party elections, the whole nation was tensed and highly expectant of the results, as the winner would be the nation's Prime Minister. Yet, the Chinese cannot do anything to influence the outcome as the rules of the game are such that only the 1,600 UMNO delegates have a say in the decision-making. Hence, although the Chinese participate in the Barisan Nasional through MCA, Gerakan, SUPP, PBS, SNAP, only UMNO can decide who is going to be the Prime Minister of the country. In fact, the implications of the UMNO split on the non-Malays add a new dimension to the Chinese political dilemma. There is an inherent danger that one group might try to out-ultra the other in championing the Malay cause and suppressing the non-Malays. A case in point is the recent attacks on the MCA by elements in UMNO Youth, associated with Team B of UMNO, as a prelude to campaigning in the UMNO Youth elections next year.

The Chinese political dilemma is expected to worsen in the longer-term unless something is done to reverse the trend. The demographic trend does not favour a political break-through by the Chinese community. A recent demographic study has shown that the Chinese share of the Malaysian population will decline to only 13% by the year 2100, while the Malay share will increase to 83%. This population trend will have wide implications for the Malaysian nation where the share of resources is based on the population proportion of each ethnic community. By the year 2000, the same study projects the Malay share of the population to be 62% up from 56% whilst the Chinese share goes down to 28% from 34%. What will this mean for the negotiations for a post-1990 scenario? How will this impact on the Chinese Political position ?

In the light of the challenges ahead, particularly the prospect of a declining Chinese share of the Malaysian population, when the importance of the Chinese in Malaysia will be reduced, the Chinese community needs to do some fundamental re-thinking. The inability of the Chinese to forge a consensus on political issues and a common direction will worsen the situation for the Chinese, particularly when the Chinese will only constitute 13% of the Malaysian population. Steps must therefore be urgently taken to seek a political consensus. In fact, the Chinese political dilemma stems from a lack of political consensus amongst the Chinese which allows some to be made used of to perpetuate the colonial divide and rule tactics.

ST. K/HAMIS

# IGP: Chinese still not willing to become cops

LONDON, Thurs.— The police force continues to face the problem of recruiting Chinese as constables, Inspector-General of Police Tan Sri Haniff Omar said yesterday.

He said the reluctance of the Malaysian Chinese to join the force was not helping the police to penetrate the triads (or bad hats) within their community.

"In fact, I read somewhere that the London police recruited a triad expert from Hong Kong some years ago to tackle the triad problem in the United Kingdom."

Tan Sri Haniff said the police force faced no problem in recruiting people from the Indian community, but among the Chinese, there seemed to be some reluctance to join at constable level, even before independence.

"In fact, when the British wanted the Chinese to join the national service in the late 1940s, 50,000 Chinese (popularly termed the Sutton boys) left for China, Taiwan and Hong Kong."

"Therefore, nowadays we have to recruit people from other races who know the Chinese language and culture into our anti-secret society group."

He also said that Chinese triads were involved in drug trafficking all over the world. Some years ago, triads from Malaysia and Hong Kong clashed in Amsterdam, Holland and "the Malaysian triads had the better of it," he added.

He was answering questions from delegates attending the International Police Exhibition and Conference here.

He had earlier delivered a paper on *Co-ordinating the Public Service to support the role of the police.*

On the historical background of the triads, Tan Sri Haniff told the delegates from some 52 countries that the triads came to Malaysia from China without the British being aware of it.

"On the whole, I wouldn't consider the problem of triads in Malaysia serious," he said.

As for the aborigines (Orang Asli), he said: "I have taken them in with all their little education into two rifle battalions known as Senoi Praaq.

"We have built them up to the level of officers and I hope someday at least one of them will be in command of a battalion."

Tan Sri Haniff also praised the women members of the force who proved specially effective in difficult situations.

"When men are rowdiest and you move in lady riot police, it seems to calm the men down. It is not on for Malaysian men to take on women."

 MENGGUAN MALAYSIA

# Rakyat lari ke China dianggap penderhaka — Megat Junid

KUALA LUMPUR 23 Nov. — Rakyat Malaysia yang lari ke China selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 tidak akan dibenarkan melawat negara ini kerana kerajaan menganggap mereka sebagai penderhaka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid Megat Ayub menegaskan, orang-orang itu tidak mempunyai kesetiaan kepada negara, sebab itulah mereka lari meninggalkan tanahair.

"Kerana itulah, buat sementara waktu, kerajaan tidak membenarkan mereka melawat atau pulang semula ke Malaysia," tegas beliau.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-56 Koperasi Polis Diraja Malaysia di sini, hari ini, Dato' Megat Junid bagaimanapun berkata, kelonggaran lawatan itu masih tetap dinikmati oleh mereka yang lari ke China sebelum negara merdeka.

Beliau berkata, mereka yang lari sebelum tahun 1957 adalah dibenarkan melawat semula Malaysia dan bertemu dengan sanak saudara mereka.

"Kita membenarkan rakyat China, termasuk mereka yang pernah lari dari negara ini sebelum merdeka, datang melawat kerana kita berpendapat perbezaan ideologi politik bukan lagi penghalang untuk rakyat China menjalin hubungan dengan rakyat Malaysia.

"Tetapi bagi yang lari selepas negara mencapai kemerdekaan, kita tidak akan membenarkannya sama sekali. Mereka adalah penderhaka.

"Sebelum merdeka, kita adalah rakyat British. Tetapi setelah merdeka, kita adalah rakyat Malaysia. Apa sebab mereka hendak lari ke negara lain?" Tanya beliau.

Sambil menegaskan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan peraturan itu, Dato' Megat Junid memberitahu, undang-undang sedemikian juga diamalkan oleh negara-negara lain, termasuk Singapura.

Mengenai pelarian Vietnam, Dato' Megat Junid berkata, berikutan penutupan Pulau Bidong, semua pelarian Vietnam di pulau itu telah dipindahkan ke Kem Pelarian Sungai Besi dan ini menyebabkan kira-kira 18,000 pelarian berhimpun di kem itu.

Beliau memberitahu, semua pelarian yang ditempatkan di kem itu sedang menunggu untuk dihantar ke negara ketiga seperti Amerika Syarikat, Canada, Jerman dan Australia.

"Proses menempatkan mereka di negara-negara ketiga agak lambat, tetapi kita akan pastikan kesemua pelarian Vietnam yang kini berada di kem sementara itu dipindahkan ke negara ketiga atau negara asal mereka secepat mungkin.

Bagaimanapun, menurut beliau, setakat ini tidak ramai pelarian yang menerima tawaran untuk pulang semula ke Vietnam.

Beliau berkata, masalah utama penempatan pelarian Vietnam di negara ketiga ialah kerana mereka hanya berhasrat mengambil pelarian yang mempunyai kemahiran profesional seperti doktor akauntan dan jurutera.

"Yang tidak mempunyai sebarang kemahiran iaitu yang cacat dan tidak mempunyai pendidikan tidak akan menerimanya," kata beliau, sambil menambah bahawa negara-negara ketiga itu sebelum ini telah memberi jaminan untuk mengambil semua pelarian itu.

Ditanya adakah kemungkinan kerajaan membenarkan pelarian-pelarian Vietnam yang mempunyai kemahiran bekerja di negara ini, Dato' Megat berkata, jika kebenaran seumpama itu diberikan, ia akan mewujudkan masalah sosial kepada negara.

Beliau menegaskan, Malaysia menerima mereka atas dasar perikemanusiaan.

"Pelarian-pelarian yang ditempatkan di Pulau Bidong umpamanya melahirkan hampir 300 orang bayi baru setahun.

"Dalam tempoh 10 tahun terdapat penambahan 3,000 orang Vietnam di pulau itu, kadar kelahiran yang tinggi ini meningkatkan perbelanjaan makanan.

"Walaupun kita melakukan banyak perkara, tetapi negara-negara maju tetap menuduh kita tidak menjalankan apa-apa usaha untuk membantu pelarian," kata beliau.

Kerajaan Malaysia, menurut Dato' Megat, akan menggunakan segala saluran diplomatik terutamanya melalui Kementerian Luar untuk memujuk negara-negara ketiga supaya mengotakan janji mereka untuk menerima pelarian-pelarian itu.

Ke Arah Perpaduan Ummah

الحركة

# HARAKAH

PP 61/3/89 BIL. 145 TAHUN KETIGA JUMAAT 15 JAMADIL AKHIR 1410/12 JANUARI 1990 HARGA 70 SEN

# HAPUSKAN HAK ISTIMEWA MELAYU - DR. MAHATHIR



Dr. Mahathir Mohamad

Kuala Lumpur: Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa baradnya akan berusaha supaya Hak-hak Istimewa Orang Melayu seperti yang tersurat dalam Perlembagaan dihapuskan semuanya.

Menurutnya, Hak-hak Istimewa Orang Melayu yang dijadikan adalah suatu penghinaan bagi orang-orang Melayu.

"Ini menjadikan orang-orang Melayu seperti Red Indian di dalam Amerika, di mana mereka itu mesti diberikan *reserve* supaya mereka itu dapat hidup di Amerika.

"Kita di sini juga ada *Malay Reserve*. Dengan karena orang-orang Melayu selalu bersandar kepada *reserve* ini, dan kalau tidak ada mereka tidak adalah tanah.

"Inilah suatu tanda bahawa kita ini lemah dan saya berharap hak-hak ini tidak akan kekal," ujar Dr. Mahathir.

Pemimpin UMNO itu juga tidak percaya bahawa peruntukan Perlembagaan mengenai Hak-hak Istimewa Orang Melayu itu akan membantu orang-orang Melayu.

"Saya tidak percaya dengan adanya dicatitkan di dalam Perlembagaan Hak-hak Bumiputera, maka ia akan membawa kesenangan bagi orang-orang Melayu.

"Suatu masa kita akan buang sama sekali Hak-hak Istimewa Orang-orang Melayu," ujar Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir bercakap demikian di Parlimen ketika membahaskan usul yang dibawa oleh seorang Ahli Parlimen PAS, yang meminta supaya ditambah lagi peruntukan mengenai Hak-hak Istimewa Orang Melayu dalam Perlembagaan.

Ucapan Dr. Mahathir Mohamad dalam tahun 1965 yang menjadi Ahli Parlimen Kota Setar Selatan pada waktu itu, telah menyebabkan usul yang dibawa oleh Ahli Parlimen PAS, Haji Samad Gol ditolak dengan suara majoriti di Parlimen.

MENARIK DI DALAM

# Undang-undang sivil bukan penghalang

KUALA LUMPUR, Rabu — Undang-undang sivil yang diambil daripada penjajah bukan satu halangan kepada pelaksanaan undang-undang Islam yang akan dikuatkuasakan di negara ini, kata Sheikh Kulliyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa, Profesor Tan Sri Ahmad Mohd Ibrahim.

Katanya, ini kerana pindaan Perlembagaan Persekutuan 1988 mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah yang dalam proses diwartakan, sudah memadai untuk menentukan kewujudan undang-undang Islam tanpa sebarang halangan daripada mahkamah sivil.

Antara lain, pindaan itu menyebut Mahkamah Tinggi tidak boleh mencampuri urusan Mahkamah Syariah yang membicarakan kes masyarakat Islam.

Profesor Tan Sri Ahmad berkata, undang-undang Islam yang akan dikuatkuasakan itu adalah dikhususkan kepada masyarakat Islam.

"Bagaimanapun, masyarakat bukan Islam tidak dihalang menerima undang-undang Islam sekiranya mereka mendapatinya berfaedah," katanya kepada pemberita di majlis pelancaran bukunya di Pusat Islam, di sini hari ini.

Buku itu bertajuk *Ke Arah Islamisasi Undang-undang Di Malaysia* yang



PROF TAN SRI AHMAD IBRAHIM

ditulisnya bersama Profesor Dr Mahmud Saedong Awang Othman. Ia dilancarkan oleh Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Datuk Seri Haji Kamaruddin Mohd Isa.

Beliau yang juga Tokoh Maal Hijrah 1409 berkata, negara mengambil undang-undang British serta terlalu mengikut apa yang telah diputuskan oleh undang-undang itu.

"Oleh sebab itu adalah menjadi kewajipan pakar undang-undang Islam tempatan membuktikan bahawa undang-undang Islam mempunyai ciri-ciri yang tinggi dan berupaya menyelesaikan masalah masyarakat," katanya.

Serentak itu, beliau menyarankan kerajaan supaya menggalakkan pakar undang-undang Islam menulis lebih banyak buku mengenai sistem perundangan Islam untuk menjelaskannya kepada umat Islam dan bukan Islam.

Katanya, buku itu perlu ditulis dalam bahasa Malaysia dan Inggeris bagi memudahkan umat Islam dan bukan Islam memahaminya.

Ketika berucap melancarkan buku itu, Datuk Seri Haji Kamaruddin berkata, undang-undang Islam sudah menjadi undang-undang asas dan undang-undang negeri di Semenanjung sejak zaman penjajahan lagi.

Kenyataan ini diterima dan disahkan oleh hakim-hakim British iaitu hakim Ramah V Laton dan hakim Thomas.

Hakim itu memutuskan bahawa hukum Islam ialah hukum negeri dan bukan hukum asing. Oleh itu menjadi kewajipan mahkamah mengiktiraf dan menggunakan undang-undang itu.

Buku setebal 80 halaman itu memuatkan kertas kerja yang ditulis oleh kedua-dua pengarang dan diterbitkan oleh Yadim.

# Nice idea, but can we replace rice?

By CHIN CHEE HOON

AN announcement by Deputy Agriculture Minister Datuk S. Subramaniam at a seminar in Johor Baru on Thursday poses several interesting questions.

Datuk Subramaniam said Malaysians should cut down on rice consumption and eat more protein instead. He said the move was to restrict padi farming to 210,000ha within the designated granary area. Other non-granary areas will be used for fruit and cash crops.

He hoped to reduce the cost of local rice production and divert the government's subsidy to "other important development projects."

This sounds like a very noble goal. More land can be used to increase our national revenue and funds can be channeled towards development.

However, there are several important points to consider. For one, what kind of "high protein foods" are we expected to eat instead of rice? Secondly, what are the nutritional, economic, social and cultural implications involved?

Rice is a major staple food in this region. According to sociologists and nutritionists, people here associate their meals with the intake of rice.

This may not be readily apparent in urban areas where Western culture has done its share to alter our perception of food. Nevertheless, rural folks will have a hard time accepting this suggestion.

It is also very likely that the idea sprang from our cultural practice of imploring our guest to take more dishes and leave the rice out. It could also be due to the misconception that protein keeps hunger pangs away longer. Actually, it is the oil and fat in meat that give us the satiated feeling, not the meat.

Strictly speaking, proteins come from two major sources — plant and animal. By nature, plant proteins are not in the high-protein category. Soybean has the highest range, between 32 to 46 per cent. The rest — peanuts, peas, cottonseed, sunflower seed, etc — fall somewhere between 20 to 35 per cent.

In spite of the high acceptance of soy products, such as tofu and other varieties of bean curd, to consume these on a daily basis is quite another thing.

In any case, we do not produce even half as much soybeans as we do rice. This means we may need to import more, and ultimately defeat our purpose of saving money for development.

Cereals, including rice, do contain protein albeit at a low ratio, generally less than 20 per cent.

The "better" protein source perhaps, is from animals. There are plenty to choose from, but they cost more.

Cows and goats take years to grow plus a large grazing area — much more than the equivalent for rice.

Even though pigs occupy a much smaller area, due to strict regulations, they can only be consumed by non-Muslims. Thus, a little more than half the national population cannot make use of it as food.

Seafood is also a tricky source. Already, fishermen have been reporting decreasing catches. And our fledgling local aquafarming industry is still unable to meet demands at an acceptable cost. Most of the lobsters cultivated locally are exported.

Furthermore, with the ever increasing pollution of our waters, it is likely that the yield of seafood will continue to decline, with prices going higher.

At present, chickens, milk and eggs are the cheapest and most readily available source of protein in the market. However, the price of poultry is so only because of the seasonal glut in chicken farms.

Should the demand for poultry increase in the future, the glut would cease to be, and prices will then climb steadily to defray the increasing cost of production.

Besides, who wants to eat chicken everyday, even if the Colonel and Government would like that?

It must be noted that animals are uneconomical as foods. They need to be fed large amounts of food but yield much less. This is a biological fact: as a lifeform progresses up the food chain, the expenditure on food increases.

Eggs are laden with fat in the yolk, and many people shy away from them because of the cholesterol scare. Milk is also not widely accepted by Malaysians, in spite of the Government's attempts to promote milk as a beverage.

Hence, we are left with very few viable alternatives to the deputy minister's plans. Animal-based proteins are simply going to be too expensive while plant-based proteins do not offer enough.

It is not surprising that nutritionists term protein as an expensive source of energy. When proteins are used in place of carbohydrates (the principal content of rice), they really are costly.

By reducing the amount of rice we eat and filling the space with proteins, we end up paying more.

As far as health is concerned, excessive proteins are not good either. It places a strain on our bodies to process them. Animal proteins are also intimately tied to fats, a contributor to heart and assorted diseases.

This is why nutritionists advocate a healthy ratio of carbohydrates, proteins and fat.

Padi planting should still be given priority in our national agriculture policy, even if we have improved padi varieties and better technology. It is also in the interest of national security for our country to produce food sufficiently.

The Government should take these issues into serious consideration before issuing suggestions that may be detrimental in the long run.

# Usah bangga hak istimewa: Ghafar

5.2.90
B.H.

KUALA LUMPUR, Ahad — Orang Melayu diingatkan supaya jangan terlalu bangga dengan hak istimewa yang diberikan kepada mereka, sebaliknya patut 'malu kerana terpaksa diberi jaminan itu untuk terus hidup di tanahair sendiri'.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, berkata tiba masanya orang Melayu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lain walaupun tanpa menggunakan hak istimewa yang disediakan oleh kerajaan itu.

"Hak istimewa orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia bukan bermaksud membezakan kaum di negara ini. Tetapi disebabkan ekonomi orang Melayu lemah dan timbul kebimbangan bahawa mereka akan menjadi hamba di negara sendiri, maka kita terpaksa menentukan hak mereka supaya mereka dapat bersaing dengan kaum lain yang lebih maju.

"Jadi, orang Melayu janganlah bangga sangat dengan hak istimewa itu. Saya percaya tentulah tiba masanya bagi orang Melayu berada setaraf dengan kaum bukan Melayu walaupun tanpa menggunakan hak istimewa itu. Ini bermakna mereka boleh mencapai kemajuan dalam apa bidang sekalipun, tanpa bantuan sesiapa.

"Inilah azam yang mesti ada pada semua orang Melayu," katanya sewaktu melancarkan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) bahagian Sungai Besi, anjuran Biro Ekonomi Umno bahagian itu, di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh menyekat kemajuan ekonomi kaum Cina dan India sematamata untuk memberi peluang orang Melayu meningkatkan kedudukan mereka.

Katanya, jika sekatan itu dilakukan, maka ia akan menghalang pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya, negara serta bangsa yang rugi.

"Dasar memberikan kebebasan kepada semua kaum itu ternyata berjaya kerana kedudukan ekonomi orang Melayu meningkat daripada dua peratus kepada 19 peratus," katanya.

Sehubungan itu, Encik Ghafar menegaskan bahawa pelaksanaan skim Amanah Saham Nasional dan ASB bukan bermaksud merampas harta kaum lain, tetapi ia adalah satu cara 'menyelamat' dan memajukan ekonomi orang Melayu.

# Need for accurate info on Syariah Law



MR LIM

KLANG, Sun. — Accurate information on the workings of the Syariah law should be disseminated to the public to prevent adverse reaction, a lawyer said here today.

Mr Lim Hai Kiang, who is taking a Diploma in Syariah Law and Practice at the International Islamic University (IIU), said in an interview that the recent public outcry over Syariah law was born out of ignorance more than anything else.

"It is a natural human reaction to fear anything which we are ignorant of. To aggravate it, the little that we know of the Syariah Law pertains to things like whipping and cutting hands," said Mr Lim who is one of two non-Muslim lawyers taking the course.

The Diploma in Syariah Law and Practice is being conducted for the first time by the IIU. The one-year course which started yesterday is open only to practising lawyers and classes are held once a week.

By HO KAY TAT

"I enrolled for the course because I feel that it is necessary for me as a lawyer to have some knowledge and understanding of Syariah Law.

"We have to prepare ourselves for the possibility or eventuality that Syariah Law will be fully introduced in the country," said Mr Lim, who is a partner in the legal firm of Razak, Lim and Singa.

## Islamisation

He was working in the Police force and Customs Department before qualifying as a lawyer eight years ago.

"Being trained in the Common Law, I must admit that I am quite ignorant of Syariah Law. There is a distinct difference between the two as one is Man-made while the other is God's law," he said.

Mr Lim said there "is an obvious Islamic resurgence in the country and the Islamisation of institutions has already started. We must therefore accept and be prepared for what is at the end of this process".

## Accommodation

Mr Lim added that in principle those who are "law-abiding need not fear the Syariah Law or any other law. It is only the law-breakers who should fear".

"Personally, I do not fear the Syariah Law because if you know what the laws are, then you don't transgress them.

"This means that if Syariah Law is to be applicable to everyone, the Government must take steps to ensure that the public is knowledgeable about it," said Mr Lim.

However, he felt that it would be quite a while before Syariah Law can be made applicable to everyone because of the complexity of the country's population.

"Actually it is best that there exists only one legal system in a country, which means we have to choose either the Common Law or the Syariah Law.

"But in our case, because of our multi-racial and multi-religious society, it is more practical and viable that a system under which the Common Law and Syariah Law can be practised side by side without any hitches," Mr Lim said.

He said that while it was not an easy task to reconcile the two as one is man-made while the other is divine, some form of accommodation and reconciliation is needed to prevent misunderstanding and chaos.

"Perhaps after taking this course I may be able to do a comparative study of the two sets of law and contribute towards reconciling them," he said.